

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**MESYUARAT KETIGA**  
*Third Meeting*

---

**Jilid II**

**Bil. 24**

**Hari Rabu**

**11hb. Disember 1996**

---

**K A N D U N G A N**

<b>MENGANGKAT SUMPAH</b>	(Ruangan )
<b>PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>	(Ruangan )
<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	(Ruangan )
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) (N0.2) 1996	(Ruangan )
Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996	(Ruangan )

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEMBILAN  
Penggala Yang Kedua  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamad bin Yaacob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)

- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin, A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Yim Chee Chong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

## **DEWAN NEGARA**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  Haji Suhor bin Husin

### ***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 11hb. Disember, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

1. Tuan Janggu Anak Banyang
2. Tuan Abdillah bin Abdul Rahim

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap Ahli-ahli yang baru dipilih dan dipilih semula itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan tahniah atas perlantikan Tuan Yang di-Pertua dan soalan saya adalah Soalan yang pertama.

## **PERLANTIKAN DUTA/PESURUHJAYA TINGGI - RANCANGAN KEMENTERIAN**

**1. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) duta-duta/Pesuruhjaya Tinggi yang berumur lebih dari 55 tahun, serta sebab-sebab mengapa pegawai-pegawai muda tidak dinaikkan pangkat menjadi Duta/Pesuruhjaya Tinggi jika ada sesuatu kekosongan; dan
- (b) adakah rancangan kementerian untuk melantik lebih ramai Duta/Pesuruhjaya Tinggi dari kalangan ahli-ahli politik yang berkebolehan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pegawai yang berumur 55 tahun seramai 8 orang yang masih berkhidmat dan dilantik secara perlantikan kontrak.

Bagi tempoh peralihan tugas di kalangan pegawai-pegawai muda, tertaklukkan kepada keperluan tugas, kebolehan dan kesihatan.

Telah menjadi dasar kementerian ini pegawai-pegawai muda yang berkebolehan dan berwibawa serta telah melalui tempoh bertugas tertentu beserta dengan pengalaman dan kemahiran di dalam bidang diplomasi akan dilantik ke jawatan Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi yang kosong.

Jadi setakat ini, jumlah mereka yang memegang jawatan Duta Besar, Pesuruhjaya Tinggi, Konsul General, Konsul, Kuasa Usaha di bawah umur 55 tahun adalah berjumlah 69 orang.

- (b) Kementerian ini akan menimbangakan kemungkinan melantik duta dari kalangan ahli-ahli politik berdasarkan keperluan tugas dan

tanggungjawab bagi seseorang ketua perwakilan bila mana keperluan tugasnya lebih menjurus kepada soal-soal hubungan politik dua hala.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu sehingga sekarang ini berapa banyak Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan juga General Consul kita yang masih kosong di luar negara?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, pada masa kini kita telah mengisi kebanyakan jawatan-jawatan ini dengan perlantikan baru Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi dan kita cuma belum dapat membuka pejabat-pejabat Kedutaan kita yang baru kerana kita masih kekurangan, tetapi yang wujud sekarang kebanyakannya sudah diisi.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Malaysia sekarang ini mengamalkan dasar yang lebih bercorak globalisasi, terutama sekali dalam bidang perdagangan negara, adakah pihak kerajaan setakat ini melantik bukan sahaja ahli-ahli politik, dan kalau ada, berapa ramai, tetapi juga ahli-ahli yang berpengalaman dalam perniagaan dan perdagangan iaitu ahli-ahli korporat untuk menerajui kedutaan kita di luar, terutamanya di mana negara-negara itu ada hubungkait yang rapat dengan kita di dalam bidang perdagangan?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita memang mempertimbangkan keperluan ini kerana kalau wujud keperluan ahli-ahli korporat melibatkan diri di dalam diplomasi kita kerana pada masa kini penekanan kita ialah di dalam trade diplomacy atau diplomasi perdagangan. Untuk itu, kita memang menggalakkan juga ahli-ahli korporat yang ada di negara kita menjadi Konsul atau wakil Konsul dari negara-negara yang belum ada dutanya di Malaysia dan begitu juga kita menggalakkan penglibatan menerusi cara yang tidak langsung dalam perhubungan dua hala atau pelbagai hala dalam perdagangan kita dengan negara-negara lain.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian akan atau telah mewujudkan duta-duta atau pesuruh pesuruhjaya tinggi di



negara yang telah dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita? Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan negara yang dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memang telah wujud perwakilan kita tetapi masih juga lagi negara-negara yang masih membangun, di mana kita belum dapat mendirikan kedutaan atau pesuruhjaya kita dan ini adalah di bawah jagaan duta-duta besar atau pesuruhjaya kita yang ditempatkan di negara yang berjiran dengan negara-negara itu.

Dengan perkembangan yang begitu pesat dalam perhubungan dua hala kita khususnya di bawah pimpinan Perdana Menteri kita masa lawatan beliau ke negara-negara yang membangun khususnya, kita berusaha untuk meningkatkan, menempatkan duta-duta kita di mana kita telah menjalinkan perhubungan dagangan dan juga kerjasama dari segi pembangunan ekonomi dan sosial.

**Tuan Yim Chee Chong:** Soalan tambahan, apakah kelayakan ataupun garis panduan supaya seseorang dilantik sebagai seorang duta ataupun Pesuruhjaya Tinggi bagi pihak negara kita? Tuan Yang di-Pertua, sebelum kementerian menjawab, saya ingin mengambil kesempatan ini dengan hati yang ikhlas, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tan Sri dilantik sebagai seorang Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia dan jadi ketua kita dalam Dewan ini. Kita akan memberi sokongan penuh kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat itu, menjadi kebiasaannya ialah perlantikan Duta Besar ataupun Pesuruhjaya ialah dari pegawai-pegawai karier diplomat kita yang telah mencapai pengalaman dan juga perkhidmatan yang telah menunjukkan kewibawaan beliau atau

mereka ini dan kemahiran dalam diplomasi dan inilah sebenarnya kebanyakan duta-duta kita yang dilantik dari karier diplomat.

**PELAJAR TIDAK MELAPORKAN DIRI SETELAH DITAWARKAN KE  
UNIVERSITI - SEBAB**

2. **Puan Hajah Selemiah bt Hashim** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) apakah sebab mengikut kajian Kementerian Pendidikan ada pelajar tidak melaporkan diri setelah ditawarkan ke universiti; dan
- (b) adakah kementerian masih mengamalkan lagi peraturan pemilihan pelajar-pelajar ke universiti yang mengikuti kursus yang dipohon bukan merupakan pilihan utama pelajar.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Terdapat beberapa faktor pelajar tidak melaporkan diri setelah ditawarkan ke universiti antaranya pelajar telah mendapat tawaran lebih awal daripada institusi pengajian tinggi lain iaitu selain daripada IPT awam. Masalah kewangan juga merupakan satu lagi faktor yang memungkinkan pelajar tidak melaporkan diri, walau bagaimanapun bilangannya adalah kecil.
- (b) Pemilihan pelajar untuk memasuki universiti adalah berdasarkan kepada lima pilihan yang telah disenaraikan oleh pelajar berkenaan dalam borang permohonannya. Pemilihan di peringkat universiti pula akan bergantung kepada jumlah tempat yang disediakan dalam sesuatu kursus atau program dan juga faktor persaingan di antara pelajar yang memilih sesuatu kursus atau program.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, tadi Timbalan Menteri mengatakan bilangannya begitu kecil, bolehkah pihak kerajaan memaklumkan berapakah ramai yang terlibat dengan perkara (a) bagi tahun 1996 ini?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, angka itu tidak ada pada saya sekarang, boleh diberi secara bertulislah, kalau hendak.

**Datuk Maidom P. Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Namun sebelum saya mengambil soalan tambahan ini, saya juga ingin turut dengan rakan-rakan yang lain untuk mengucapkan syabas dan tahniah di atas perlantikan Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah saya rasa, banyak dah. [*Ketawa*] Bagi semua sudahlah, terima kasih banyaklah.

**Datuk Maidom P. Pansai:** Sekarang saya sampai ke soalan tambahan. Di Sabah kebanyakan yang pernah saya jumpa yang pernah ditawarkan ke universiti-universiti yang gagal melaporkan diri ialah disebabkan kemiskinan dan gagal mendapatkan biasiswa mahupun sebarang sponsorship. Ini banyak sekali terdapat di negeri Sabah. Saya ingin tahu di sini, apakah tidak ada perancangan atau cara pihak universiti berkenaan atau khususnya kementerian untuk mencari jalan bagaimana membantu pelajar-pelajar yang berhadapan dengan permasalahan seperti itu. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun depan selain daripada kemudahan-kemudahan pinjaman dan biasiswa yang ada sekarang, mulai tahun depan Kementerian Pendidikan akan mula melaksanakan satu lagi bentuk pinjaman untuk menampung keperluan pelajar-pelajar miskin terutama sekali daripada kawasan-kawasan luar bandar di universiti-universiti awam kita dan kita akan memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar yang benar-benar dan betul-betul perlukan kepada bantuan tersebut dengan kaedah-kaedah dan cara-cara pinjaman yang lebih mudah.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan mengenai iaitu apakah benar kemasukan pelajar-pelajar ke universiti, jumlah pelajar-pelajar wanita lebih mengatasi daripada jumlah pelajar-pelajar lelaki? Di samping itu, adakah benar kemasukan ke universiti ini selain daripada

pemarkahannya di bidang akademi tetapi ia juga diambil kira dari segi bidang kokurikulum? Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada kebenaran daripada angka-angka yang kita lihat sekarang ini, trend lebih ramai pelajar-pelajar perempuan yang memohon untuk masuk ke institusi-institusi pengajian tinggi kita.

Yang keduanya, memang benar juga mulai tahun depan, kita akan memberi markah juga kepada kegiatan-kegiatan kokurikulum yang disertai oleh pelajar-pelajar dalam menentukan kemasukan ke universiti selain daripada kecemerlangan dalam bidang akademi yang menjadi perkara pokok sekali.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat, baru-baru ini kita mendengar banyak cerita tentang pelajar-pelajar yang terlibat dengan kes-kes yang tidak bermoral khususnya bersalin semasa peperiksaan, beranak luar nikah dan sebagainya. Kalau ditakdirkan pelajar-pelajar ini mendapat keputusan peperiksaan yang bagus, apakah mereka akan diizinkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, bagi kes-kes pelajar yang melakukan kesalahan yang berat, ini biasanya kita akan mengambil tindakan dan saya kata, tidak mungkin kita benarkan dia melanjutkan pelajaran dalam sekolah-sekolah kerajaan. Kes-kes seperti yang disebutkan itu ialah kes-kes yang terlingkung dalam kategori berat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini memang kita awasi dari berlaku, tetapi, kemampuan dan keupayaan kita juga ada hadnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan nombor tiga.

### **KES LONTAR BATU DAN SEMBURAN MINYAK DI LEBUH RAYA - USAHA MENGATASI**

3. **Tuan Ng See Tiong [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan terdapat kejadian lontaran batu dan semburan minyak banyak berlaku di lebuhraya baru-baru ini yang mengakibatkan kemalangan serius dan juga kematian, sejauh manakah pihak polis dan PLUS berjaya mengatasi masalah ini daripada berterusan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius kejadian salah laku orang awam seperti melontar batu dan menyembur minyak di Lebuhraya Utara-Selatan yang mengakibatkan kemalangan maut. Kejadian seumpama ini adalah di luar kawalan kerajaan. Kerajaan juga tidak mendapat maklumat yang jelas motif di sebalik perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan dengan kerjasama pihak Polis DiRaja Malaysia dan PLUS telah mengambil langkah-langkah pencegahan bagi memastikan kejadian sedemikian tidak berulang. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah dengan meminta pihak Polis DiRaja Malaysia menjalankan rondaan sekerap mungkin di sepanjang lebuhraya terutama di lokasi-lokasi yang dilaporkan kerap berlaku kejadian berkenaan.

Di samping itu, pasukan PLUS Ronda yang beroperasi 24 jam di samping memberi bantuan kecemasan kepada pengguna lebuhraya akan juga memberi laporan dari masa ke semasa mengenai keselamatan lebuhraya termasuk kejadian yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya tekankan di sini bahawa projek-projek prasarana dibangunkan adalah untuk kepentingan negara dan rakyat. Oleh itu, rakyat perlu menghargai apa yang telah dibangunkan oleh kerajaan dan hendaklah menggunakannya sebaik mungkin sebagai satu tanggungjawab bersama.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya masih ingat lagi pada bulan April tahun ini, soalan tambahan saya yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Dato' Seri, iaitu sepanjang di kiri kanan lebuhraya memang telah dipagar untuk melarang lembu dan kambing masuk ke lebuhraya. Tetapi, mengikut siasatan saya baru-baru ini, saya mendapat tahu bahawa sekurang-kurangnya 50% lebuhraya dari utara

ke selatan memang tidak dipagar, mengapa berlaku demikian, Yang Berhormat Dato' Seri?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Utara-Selatan daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru, semua mempunyai pagar, tetapi pagar tidak ada di sana, oleh kerana orang tempatan buka pagar. *[Ketawa]* Bukan sahaja buka pagar, jual durian, jual mee dan juga pengguna jalan raya menggalakkan mereka, apabila mereka membeli barang-barang di tepi lebuhraya itu, pada akhirnya itu menjadi satu tempat yang tetap, kalau kita pagar semula pun tidak boleh jadi, dia akan buka lagi! Tetapi, kadangkala kita ingat orang daripada kampung ini, dia suka juga mencari sedikit pendapatan daripada durian itu, kita tidak mahu mengambil tindakan yang tegas ke atas mereka.

Walau bagaimanapun, saya telah memberi nasihat kepada PLUS untuk mengadakan kedai-kedai khas di mana mereka boleh juga meneruskan penjualan buah-buahan di masa yang akan datang.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk membina jaring ataupun pagar di semua jejambat, seperti yang dibuat di Indonesia, untuk mengelak daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab membaling batu kepada kenderaan ataupun menjadikan kawasan itu sebagai kawasan larangan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, dengan dukacitanya saya umum kepada Ahli Yang Berhormat, tidak boleh! Oleh kerana, ini akan mengambil perbelanjaan yang tinggi, jalan raya itu pun kita telah membelanjakan beberapa billion ringgit, tetapi setiap kali kita membina pagar yang tinggi sekali, saya percaya ini bukan boleh menjamin orang tidak boleh menjalankan kegiatan seperti apa yang disebutkan tadi. Saya percaya tidaklah! Pagar yang kita ada sekarang itu lima kaki sahaja tingginya.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, persoalannya ialah kejadian lontaran dan semburan minyak, bukan sahaja berhubung dengan pagar kepada lebuhraya tersebut. Jadi, saya ingin hendak tahu, berapa ramai yang telah dapat ditangkap mereka yang melakukan lontaran dan semburan minyak itu? Dan apakah hukuman yang telah dapat dijalankan? Kalau tidak ditangkap, kita tahu akan berlaku berpanjangan perkara tersebut.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab dengan jelas tadi, mengambil tindakan ke atas sesiapa yang akan berlaku salah seperti itu ialah tugas polis, bukan tugas kita. Oleh kerana itu, kita minta polis mengambil tindakan. Polis ada juga mengambil tindakan, tetapi kita tidak ada rekod apakah denda yang dikenakan kepada mereka ataupun apakah masalah mereka?

#### **PENCEMARAN UDARA OLEH ASAP KENDERAAN DAN PEMBUANGAN SISA RACUN DI LAUT - USAHA MENGATASI**

4. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) memandangkan kandungan plumbum jelas meningkat di sekitar kawasan-kawasan jalan raya yang sesak, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menentukan semua kenderaan menggunakan minyak tanpa plumbum untuk menentukan paras kandungan plumbum di sekitar kawasan bandar tidak melebihi paras yang boleh memudaratkan kesihatan; dan
- (b) adakah kerajaan berpuas hati dengan keberkesanan penjagaan kawasan perairan kita seperti di Selat Melaka dan di Laut China Selatan supaya tidak digunakan sebagai kawasan pembuangan sisa-sisa yang beracun oleh kapal-kapal yang tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Daripada data-data pengawasan kualiti udara yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar sejak tahun 1988 sehingga 1995 adalah didapati bahawa paras plumbum di udara telah menurun sejak Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum Dalam Gasolin Motor) 1985 dikuatkuasakan mulai tahun 1985. Melalui penguatkuasaan peraturan-peraturan di atas, had kandungan plumbum di dalam petrol telah diturunkan dari 0.84 gram seliter ke paras 0.4 gram seliter mulai 1hb. Januari, 1986 dan seterusnya diturunkan lagi ke paras 0.15 gram seliter mulai 1hb. Januari, 1990.

Sebagai langkah untuk mengurangkan lagi paras pelepasan plumbum di sekitar kawasan bandar, kerajaan sedang mempertingkatkan pelaksanaan sistem pengangkutan awam melalui pelaksanaan Sistem Transit Aliran Ringan, menggalakkan penggunaan Sistem Berkongsi Kereta (Car Pooling System), dengan izin, serta penggunaan kenderaan yang menggunakan bahan api gas. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan bilangan kenderaan persendirian di dalam kawasan bandar yang akhirnya boleh mengurangkan pelepasan asap dan gas-gas pencemar di dalam bandar.

- (b) Kerajaan akan sentiasa berusaha meningkatkan penguatkuasaan ke atas mana-mana kapal yang tidak bertanggungjawab melakukan pembuangan sisa-sisa haram di perairan Malaysia. Ini bagi memastikan perairan Malaysia tidak digunakan sebagai kawasan pembuangan sisa-sisa mereka.



**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, setakat ini sejauh manakah pihak kementerian dapat mengesan bahawa kesan daripada plumbum ini menyebabkan pelbagai jenis penyakit dan apakah penyakitnya? Dan berapakah bilangan orang yang telah meninggal dunia akibat daripada kesan plumbum tersebut.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, mati hidup itu di tangan Allah! *[Ketawa]* Tak ada siapa yang dapat mengetahui, tetapi apa yang saya jawab tadi, penurunan tahapnya sudah berkurangan 0.15 gram per liter sekarang. Menentukan mati hidup itu wallahu'alam, di sini saya tidak dapat hendak memberi maklum. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakt ini kita telah banyak mendengar dalam surat khabar dan massa media berkenaan dengan kapal-kapal yang kena tangkap setelah membuang sisa-sisa ini secara haram di perairan kita. Jadi, setakat ini berapa buah kapal yang telah kena tangkap dan berapa buah kapal yang terlucut daripada tangkapan. Dan apakah sebab-sebabnya perkara ini berlaku, adakah ianya kekurangan dari segi pengawasan dan kalau kurang adakah pihak kerajaan hendak menambah dan cara mana dia hendak menambah dan mengawasi kawasan ini supaya ianya terkeluar daripada kawasan pencemaran?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, kapal ini bukan ditangkap ditahan *[Ketawa]*. Setakat ini, kalau tidak salah pada ingatan saya, lebih kurang 76 buah yang telah ditahan. Yang telah diambil tindakan lebih kurang dalam 16 buah. Ada juga yang sempat lari kerana perairan kita ini luas. Tidak cukup dijaga oleh tentera udara dan merin kita (tentera laut). Sebenarnya tindakan-tindakan tegas telah diambil kepada mana-mana syarikat (company) perkapalan ini dan dengan penambahan finenya sekarang, maka mereka pun, barangkali hari ini, kita tengok kesalahan-kesalahan yang dibuat di

perairan kita itu sudah mula terselamat sedikit. Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk menambahkan pengawalan ini sedang dijalankan oleh pihak yang berkuasa.

### **GOLDEN SHARE - JUMLAH MILIKAN KERAJAAN**

5. **Datuk Rahim bin Baba** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) bilangan projek yang telah diswastakan di mana kerajaan memiliki 'golden share'; dan
  - (b) adakah kerajaan bercadang memastikan setiap projek penswastakan kerajaan mengenakan syarat di mana kerajaan diperuntukkan saham penentu (golden share) bagi memastikan pengawasan kerajaan terhadap perkhidmatan yang diswastakan.

#### **Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini kerajaan mempunyai saham istimewa (golden share) dalam 13 buah syarikat yang diswastakan. Kerajaan tidak berhasrat untuk memegang saham-saham istimewa dalam semua projek penswastakan kerana pengawasan ke atas kebanyakan syarikat yang diswastakan boleh dilaksanakan melalui peraturan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kerajaan menyedari bahawa terdapat syarikat-syarikat yang diswastakan tersebut merupakan industri strategik kepada pembangunan dan keselamatan negara seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan pelabuhan-pelabuhan yang memerlukan pengawasan yang lebih ketat.

Dalam kes begini, kerajaan akan memegang saham istimewa yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk menghalang keputusan yang akan menjejaskan kepentingan dan keselamatan negara.

### **TALIAN TELEFON BIMBIT - RUNGUTAN PENGGUNA**

6. **Tuan Haji Kassim bin Mh. Yusop** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:
- (a) adakah kementerian sedar rungutan pengguna-pengguna telefon bimbit tentang kesukaran berhubung dengan menggunakan alat

perhubungan berkenaan disebabkan oleh kesesakan laluan atau lebih laluan yang dikendalikan oleh sesuatu stesen; dan

- (b) apakah garis panduan dan syarat yang diberi kepada sesuatu syarikat yang mengendalikan stesen komunikasi ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar terdapat rungutan dari orang ramai mengenai kesukaran berhubung dengan menggunakan telefon bimbit disebabkan kesesakan laluan. Dalam hubungan ini, usaha-usaha seperti menambahkan bilangan radio base station, menambahkan kapasiti sistem dan sebagainya sedang dijalankan oleh semua pengusaha perkhidmatan selular untuk menangani masalah ini secepat mungkin.

Syarat-syarat yang ditetapkan kepada sesebuah syarikat telekomunikasi adalah tertakluk kepada jenis lesen yang diberikan serta teknologi yang akan dibawa masuk ke negara ini. Bagi pengusaha-pengusaha rangkaian telekomunikasi, selain daripada mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam lesen masing-masing, mereka juga harus mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis Bandaran atau pengusaha tempatan dan juga Jabatan Penerbangan Awam.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan mempunyai satu formula bagi menentukan pengusaha-pengusaha telefon ini tidak dapat melebihi had pelanggan-pelanggan kalau sekiranya mereka mempunyai pancaran yang terhad, ataupun adakah kita membiarkan sahaja mereka ini mempelawa pelanggan-pelanggan membeli atau menggunakan fasiliti dari kemudahan mereka, tetapi pelanggan-pelanggan juga terpaksa terganggu gugat apabila menggunakan telefon ini.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak kerajaan tidak ada satu formula untuk mengehadkan pengusaha-pengusaha ataupun bilangan yang

mereka patut menerima, tetapi, dari masa ke semasa, pihak kerajaan melalui Jabatan Telekom Malaysia memang ada memberi nasihat kepada semua pengusaha yang memberikan perkhidmatan selular supaya mempertingkatkan kemudahan mereka dari masa ke semasa supaya menyelesaikan masalah kesesakan laluan ini.

Walaupun bagaimanapun, kesemua pelanggan adalah bebas untuk memilih pengusaha-pengusaha selular ini yang memberikan perkhidmatan yang memuaskan. Maka saya hendak menasihatkan kepada para pengguna, pilihlah pengusaha yang memberikan perkhidmatan yang memuaskan sahaja.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, banyak pengusaha yang telah pun mendirikan menara pemancar di kampung-kampung ataupun di bandar-bandar kecil. Saya ingin tahu, adakah ia merbahaya kepada penduduk-penduduk yang berdekatan dengan menara pancaran tersebut.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum seseorang pengusaha mendirikan menara telekomunikasi ini di mana-mana tempat, ia harus mendapat kelulusan daripada pihak-pihak yang berkenaan, termasuk Jabatan Telekom Malaysia, pihak berkuasa tempatan dan juga Jabatan Penerbangan Awam, di mana tempat yang didirikan adalah dekat dengan lapangan terbang, dan kalau sekiranya mereka mematuhi semua guide line yang diberikan, yang ditetapkan oleh pihak yang berkenaan, maka ia tidak akan mendatangkan apa jua bahaya kepada orang ramai.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian menyedari bahawa terdapat beberapa syarikat yang mengeluarkan telefon bimbit ini, bayaran perkhidmatan tetapnya berbeza. Sebagai contoh 018 dan 010 - bayaran bulanannya berjumlah RM60, manakala 012 - bayarannya hanya RM30. Perbezaan ini terlalu besar dan kalau tidak silap satu ketika dahulu, pengguna-pengguna

meminta supaya RM60 bayaran tetap bulanan ini dikurangkan. Apakah tindakan kementerian sehingga hari ini?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memang mempunyai dasar yang tertentu mengenai perkara ini. Kesemua syarikat telekomunikasi selular ini dibenarkan caj satu sewa bulanan maksimum RM60 dan tidak dibenarkan melebihi RM60 tetapi mereka dibenarkan untuk menurunkan caj bulanan ini sebagai satu strategi pemasaran. Maka mereka yang menurunkan dari RM60 kepada RM30 adalah dibenarkan tetapi melebihi RM60, ini adalah tidak dibenarkan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan amaran memotong telefon. Dalam kes saya, saya tidak mengetahui kes Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tetapi dalam kes saya, oleh kerana saya sibuk sangat berkhidmat, sibuk sangat menghadiri diri dalam mesyuarat-mesyuarat, jadi, telefon saya senantiasanya dipotong. Saya tidak puas hati, oleh kerana telefon saya sudah dipotong, sesudah saya membayar baharulah saya menerima surat amaran dari Telekom. Oleh kerana itu saya memohon supaya kementerian akan dapat menjamin supaya surat amaran di hantar dahulu sebelum memotong telefon saya. Itu sahaja.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, untuk melakukan pemotongan telefon ini, pihak syarikat memang mempunyai satu peraturan yang tertentu dan ini adalah berdasarkan kepada kontrak yang ditetapkan di antara pengguna dengan pihak syarikat. Dalam kes Yang Berhormat ini mungkin kalau sekiranya Yang Berhormat boleh mengemukakan kepada saya butiran yang tertentu, saya sendiri akan menyiasat kalau sekiranya benar, saya akan memberi laporan kepada Yang Berhormat. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, iaitu sebelum pemotongan dilakukan harus diberikan amaran terlebih dahulu - ini saya memang setuju.

**Tuan Haji Kasim bin Md. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, tadi disebut tentang radio base station. Jadi, saya ingin tahulah secara dasarnya berapa laluan atau talian yang dibenarkan untuk satu radio base station?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sesuatu base station yang didirikan ini cuma mengandungi 15 laluan sahaja, ini maksimum.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan sedar dengan penggunaan telefon selular sekarang ini banyak pihak yang telah dapat mengesan rahsia-rahsia orang. Adakah ini tidak bercanggah dengan prinsip hak-hak manusia dan apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang sedar perkara ini dan pengusaha yang menjalankan perkhidmatan selular ini selalu diingat dan dinasihati supaya menggunakan teknologi yang terkini supaya dapat menyelesaikan perkara ini.

Saya juga ingin memberikan maklumat kepada Dewan yang mulia ini bahawa teknologi digital yang digunakan oleh kebanyakan pengusaha sekarang ini dapat menyelesaikan masalah ini.

## **SKIM SSB DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM KERAJAAN - PENARIKAN BALIK**

7. **Tuan Haji Ibrahim bin Daud** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah skim SSB akan ditarik balik di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik pelaksanaan Skim Sistem Saraan Baru (SSB). Kerajaan berpendapat SSB ini adalah merupakan satu sistem yang memberi pengiktirafan dan penekanan kepada prestasi anggota-anggota dalam perkhidmatan awam. Walaupun

kemungkinan terdapat beberapa masalah dari segi pelaksanaannya, pemantauan (monitoring) sistem ini akan terus dipertingkatkan dan diperkemaskinikan dari masa ke semasa supaya ia dapat mencapai matlamatnya iaitu performance related pay.

### **KES SIVIL DAN JENAYAH 1994/1995/1996 - JUMLAH DITANGGUHKAN PERBICARAAN**

**8. Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah kes-kes sivil dan jenayah yang masih dalam tangguhan perbicaraan mengikut tahun 1994, 1995 dan 1996; dan
- (b) apakah sebab utama penangguhan perbicaraan dan apakah langkah-langkah yang mula diambil untuk mengatasi masalah penangguhan perbicaraan ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed**

**Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kes-kes sivil di mahkamah yang belum selesai adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Mahkamah Persekutuan (Jumlah kes)</b>
1994	135
1995	16
1996 (Sehingga September)	455

<b>Tahun</b>	<b>Mahkamah Rayuan (Jumlah kes)</b>
1994	133
1995	741
1996	877

<b>Tahun</b>	<b>Mahkamah Tinggi (Jumlah kes)</b>
--------------	---

1994	77,071
1995	46,037
1996 (sehingga September)	30,763

<b>Tahun</b>	<b>Mahkamah Sesyen (Jumlah kes)</b>
1994	50,549
1995	44,977
1996 (sehingga September)	46,112

<b>Tahun</b>	<b>Mahkamah Majistret (Jumlah kes)</b>
1994	99,468
1995	104,167
1996 (sehingga September)	111,455

Kes-kes jenayah di mahkamah yang belum selesai adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Mahkamah Persekutuan (Jumlah Kes)</b>
1994	37
1995	5
1996 (sehingga September)	186

<b>Tahun</b>	<b>Mahkamah Rayuan (Jumlah kes)</b>
1994	62



1995	178
------	-----

1996 (sehingga September)	110
------------------------------	-----

<b>Tahun</b>	<b>Mahkamah Tinggi <u>(Jumlah kes)</u></b>
--------------	--

1994	6,365
------	-------

1995	2,555
------	-------

1996 (sehingga September)	2,015
------------------------------	-------

<b>Tahun</b>	<b>Mahkamah Sesyen <u>(Jumlah kes)</u></b>
--------------	--

1994	2,496
------	-------

1995	2,528
------	-------

1996 (sehingga September)	2,562
------------------------------	-------

<b>Tahun</b>	<b>Mahkamah Majistret <u>(Jumlah kes)</u></b>
--------------	---

1994	409,660
------	---------

1995	481,174
------	---------

1996 (sehingga September)	513,049
------------------------------	---------

- (b) bagaimana kuat pun hakim-hakim bekerja, kes-kes tertangguh mesti ada. Ini disebabkan tiap-tiap bulan sekurang-kurangnya 10,000 kes sivil dan 5,000 kes jenayah difailkan di semua peringkat mahkamah.

Di dalam laporan kajian kes-kes tertangguh Jabatan Kehakiman mampu mendapati 2 faktor utama yang telah dikenal pasti yang menyebabkan kes tertunggak dan tertangguh iaitu faktor luaran seperti polis, saksi, orang kena tuduh, peguambela, plaintif dan defendan.

Bagi kes-kes sivil kebanyakan penangguhan adalah atas permohonan peguam plaintif, peguam defendan, mahkamah, plaintif dan defendan sendiri.

Sementara bagi kes-kes jenayah pula kebanyakan penangguhan dipohon oleh peguambela, pegawai pendakwa, polis, orang kena tuduh atau mahkamah tidak dapat menjalankan kes kerana mempunyai kes sambung bicara atau ketiadaan jurubahasa seperti kes-kes yang memerlukan khidmat penterjemah. Mahkamah juga menetapkan bilangan kes yang lebih banyak daripada kemampuannya untuk dibicarakan setiap hari.

Tindakan yang diambil ialah mahkamah menetapkan bilangan kes yang lebih munasabah untuk dibicarakan dalam sesuatu hari bagi menentukan masa dan tenaga pihak yang terlibat dapat digunakan dengan lebih efisien lagi. Di samping itu bilangan majistret, Hakim Mahkamah Sesyen dan Hakim Mahkamah Tinggi juga telah ditambah. Walaupun begitu mereka tidak boleh dilantik sekiranya tidak ada mahkamah disediakan untuk membicarakan kes-kes. Oleh itu, kerajaan telah pun menyediakan rancangan untuk mendirikan bangunan-bangunan mahkamah baru untuk memperluaskan dan menggantikan bangunan-bangunan yang ada.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pindaan kepada Kanun Acara Jenayah baru-baru ini memberi apa-apa implikasi untuk mempercepatkan kes-kes perbicaraan di mahkamah?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pindaan yang mana ini?

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Pindaan kepada penggunaan *prima facie*.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pindaan belum dibuat lagi, baru Bacaan Kali Yang Pertama di Dewan Rakyat. Jadi, kita tidak tahu lagi kesannya.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Boleh tambah sedikit? Sebelum pindaan itu mestilah ada satu kajian dibuat sama ada memberi kesan apa-apa?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini debate atau apakah Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang kes tertangguh sebanyak 400 disabitkan oleh kerana ada pertikaian berkenaan dengan kaedah yang digunakan untuk pendakwa raya menentukan sama ada kes itu yang diperlukan ialah *prima facie* ataupun melampaui batas keraguan. Tetapi kita masih lagi belum meminda dan pindaan itu dibuat bukan kerana terlalu banyak kes yang tidak dibicara, tetapi kerana keputusan kes Arulpragasam.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan jawapan daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi terlalu banyak kes yang tertangguh dan memakan masa yang agak lama, ini sudah tentu memberi implikasi kepada pihak kena tuduh dan juga pihak kerajaan sendiri. Apakah program ataupun langkah-langkah kerajaan bagi memastikan bahawa sistem perundangan negara kita ini sebenarnya boleh memberi pengadilan kepada rakyat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya sebut sebentar tadi berkenaan dengan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Tetapi sepertimana yang telah saya sebut sebentar tadi, iaitu bahawa ini adalah di luar daripada keupayaan kita. Kita hanya boleh menyediakan ramai hakim dan menyediakan bangunan-bangunan tetapi kalau rakyat masih lagi tidak mempunyai sikap baik, selalu bertikai di antara satu sama lain dan kadangkala membuat kejahatan, ini akan menambahkan kes. Yang sebut sebentar tadi itu bahawa pada tiap-tiap tahun sahaja, bagi kes sivil 10,000 kes yang difail dan 5,000 kes untuk jenayah.

Jadi, sebenarnya masalah ini ialah masalah sikap warganegara itu sendiri. Kalau mereka semua bersikap baik, saya percaya mahkamah tidak banyak kes untuk dibicarakan.

**MENAMBAH JUMLAH PELANCONG YANG MASUK - USAHA YANG DILAKUKAN**

9. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan pada masa sekarang, pelancong keluar negara lebih banyak daripada pelancong yang masuk ke negara ini. Apakah ikhtiar kerajaan untuk menambah jumlah ini supaya pelancong yang masuk ke negara ini melebihi daripada yang keluar dari negara ini.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1995, jumlah penduduk Semenanjung Malaysia yang melancong ke luar negeri ialah seramai 6,915,239 orang berbanding dengan jumlah pelancong asing yang melawat Semenanjung Malaysia bagi tempoh yang sama seramai 7,468,749 orang. Daripada bulan Januari hingga Jun tahun ini, 1996 pula, jumlah penduduk Semenanjung Malaysia yang melancong ke luar negeri dianggarkan seramai 3,672,956 orang berbanding 3,460,191 orang pelancong asing yang melawat Semenanjung Malaysia.

Beberapa aktiviti telah dirancang untuk menambah jumlah pelancong-pelancong melawat negara ini, di antaranya ialah dengan mempromosikan produk-produk pelancongan terkini melalui aktiviti-aktiviti pemasaran seperti misi galakan, pameran antarabangsa, penggalakan consumer dan seminar-seminar di luar negara. Publisiti mengenai Malaysia dapat diperluaskan melalui penulisan-penulisan dan penggambaran yang dibuat oleh wartawan dan juga syarikat-syarikat perfileman yang diraikan.

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) melalui pejabat-pejabat luar negerinya, juga memberi penekanan untuk mempromosikan produk-produk khas seperti Sukan Komanwel dan tahun sukan rekreasi, melalui aktiviti-aktiviti pemasarannya. Penekanan juga turut di beri dalam mempertingkatkan pelancongan domestik dengan melaksanakan program-program penggalakan dan publisiti yang lebih berkesan melalui media cetak dan elektronik. Agensi-agensi pelancongan domestik juga digalakkan menyediakan pelbagai pakej menarik untuk pelancongan dalam negeri. Dengan cara ini diharap rakyat Malaysia mempunyai pilihan untuk melancong dalam negeri ini sendiri.

**Datuk Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa daripada 7.5 juta pelancong yang melawat Malaysia pada tahun 1995, 4.5 juta adalah terdiri daripada pelancong-pelancong dari Singapura. Kebanyakan yang datang secara harian ataupun datang dan balik, tidak banyak berbelanja. Kalau kita tolakkan pelancong dari Singapura, bermakna hanya 3 juta sahaja pelancong yang benar-benar pelancong yang datang ke Malaysia pada tahun 1995. Tolakkan Thailand ada 500,000, hanya ada 2.5 juta sahaja. Jadi, adakah pihak kementerian berpuas hati dengan pencapaian setakat ini? Apakah langkah-langkah yang lebih baik yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan lebih ramai lagi pelancong-pelancong khususnya bukan dari Singapura tetapi dari negara-negara lain melawat ke Malaysia?

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak berpuas hati dengan apa yang disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat kerana 'outbound' melebihi daripada 'inbound'. Ini adalah satu masalah dan kementerian saya juga ada mengambil tindakan-tindakan menggalakkan seperti saya sebutkan tadi.

Kita akan teruskan usaha-usaha bagi memastikan industri pelancongan negara berkembang secara berterusan dengan harapan kedatangan dan perbelanjaan pelancong asing dapat dipertingkatkan lagi. Dengan usaha-usaha ini, kementerian berharap agar matlamat untuk menerima kedatangan pelancong asing seramai 12.5 juta orang dengan perbelanjaan mereka sebanyak RM15.7 bilion di negara ini tercapai pada tahun 2000. Sekian.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada produk-produk pelancongan yang ada di negara kita, adakah pihak kementerian telah membuat kajian produk pelancongan yang mana paling menarik minat pelancong-pelancong daripada luar. Adakah daripada alam semulajadi, kebudayaan ataupun menggunakan Malaysia sebagai tempat untuk membeli-belah? Apakah langkah-langkah kementerian untuk memajukan pelancongan dalam produk-produk yang mendapat perhatian kerana setahu saya Langkawi sekarang juga sedang menghadapi masalah walaupun telah diumumkan sebagai pulau pelancongan? Terima kasih.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian ini bukan dalam satu bidang sahaja. Kita ada 8 destinasi untuk menarik pelancong dari luar negeri. Satu daripadanya ialah alam semulajadi. Kita menumpukan kepada laut kita yang bersih, yang ada 'beach'. Ini semua ada dicetakkan di 'broucher' yang kita edarkan kepada 'office' atau pejabat-pejabat di luar negeri. Dan kita juga ada menghadapi masalah sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Masalah-masalah yang timbul kita sentiasa mengambil tindakan untuk mengatasinya.

#### **AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 - TAHAP UMUR**

10. **Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan bercadang mengubah tahap umur bagi pelaburan dalam Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020 kepada tahap umur yang lebih rendah; dan
- (b) berapakah jumlah pelaburan bumiputera dan bukan bumiputera dalam Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pada hari ini terdapat tiga soalan mengenai perkara yang sama, saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud bersamaan dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba dan Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Amanah Saham Wawasan (ASW 2020) adalah tabung pelaburan tertutup, di mana jumlah saham yang ditawarkan ialah RM3 bilion. Syarat umur untuk menjadi pelabur ASW 2020 ialah rakyat Malaysia yang berumur di antara 12 hingga 29 tahun. Buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk mengubah had umur kepada tahap yang rendah sebab ini adalah golongan umur tertentu berasaskan Wawasan 2020.

Semenjak ASW 2020 dibuka, urusniaga pada 2hb. September, 1996 sambutan daripada orang ramai sangatlah menggalakkan. Jumlah pelaburan sehingga 6hb. Disember, 1996 bagi bumiputera ialah RM265 juta dan bukan bumiputera pula RM1.2 bilion. Masing-masing dengan bilangan pelabur seramai 307,271 dan 474,389 orang. Daripada jumlah pelaburan, bumiputera RM265 juta sebanyak RM147 juta dilabur oleh golongan belia bumiputera. Jumlah pelaburan mengikut negeri pula adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Pelaburan</b>
Perlis	RM13.3 juta
Kedah	RM73.5 juta
Pulau Pinang	RM110.1 juta
Perak	RM144 juta
Selangor	RM296 juta
Wilayah Persekutuan	RM209.7 juta
Negeri Sembilan	RM59.7 juta
Melaka	RM48.2 juta
Johor	RM126.9 juta
Pahang	RM54.5 juta
Terengganu	RM18.1 juta
Kelantan	RM32.8 juta
Sabah	RM161.6 juta
Sarawak	RM105.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, urusan ASW 2020 masih boleh dibeli di kesemua ejen-ejen Amanah Saham Nasional Bhd. di seluruh negara. Pada masa ini terdapat 1.26 bilion unit lagi yang masih belum dibeli oleh golongan bumiputera, dan 275 juta unit untuk bukan bumiputera, dan ianya akan terus ditawarkan di atas dasar yang dahulu didahulukan selagi unit-unit saham ASW 2020 belum habis dijual. Dengan itu tidak timbul soal ASW 2020 akan dibuka lagi untuk kali kedua.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, memandangkan jumlah baki saham yang belum dibeli ialah 1.26 bilion untuk bumiputera dan hampir setengah juta lebih untuk bukan bumiputera, adakah kerajaan bercadang hendak mengadakan satu skim khas untuk membantu terutamanya kaum bumiputera dan termasuklah golongan yang dianggap sebagai PPRT supaya mereka juga dapat menikmati Amanah Saham Wawasan 2020?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk saham sebanyak 1.26 bilion unit itu mungkin kerajaan akan beri tawaran kepada institusi-institusi bumiputera yang terdapat di negara ini supaya Amanah Saham itu dapat diperolehi oleh institusi bumiputera. Manakala untuk PPRT itu belum ada cadangan supaya diberi pertimbangan diberikan kepada golongan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa pertanyaan sudah selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 49 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN  
(1996) (NO. 2) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [10hb. Disember, 1996]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Datuk Rahim bin Baba, sila sambung ucapan.

**3.35 ptg.**

**Datuk Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya telah pun menyentuh mengenai peruntukan kepada multimedia corporation yang telah pun ditubuhkan oleh pihak kerajaan tentang rancangan kerajaan untuk memastikan supaya teknologi maklumat dapat dinikmati oleh setiap golongan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga inginkan supaya pihak kerajaan juga memikirkan dari segi kekurangan tenaga-tenaga pengajar untuk mengajar mata pelajaran komputer, khususnya untuk kawasan-kawasan di luar bandar. Kita tidak mahu satu masa kelak, sepertimana yang telah pun saya katakan tadi dan semalam akan berlaku gap ataupun perbezaan pengetahuan dari segi information technology antara pelajar-pelajar di luar bandar dengan pelajar-pelajar di dalam bandar. Perkara ini harus ditangani dengan segera, dan saya berharap pihak Kementerian Kewangan akan memberikan peruntukan-peruntukan yang mencukupi untuk mengatasi masalah ini.

Ada sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar bandar yang usahkan kita hendak cakapkan ada komputer, elektrik pun tidak ada sepertimana yang saya katakan semalam. Kita berharap kepada pihak Kementerian Kewangan dalam membuat budget untuk tahun-tahun akan datang khususnya kepada pegawai-pegawai kerajaan, saya percaya setengah-setengahnya kebanyakannya dahulu berasal daripada kampung, tentulah dapat merasai betapa kekurangan-kekurangan yang terdapat di sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar bandar ini.

Begitu juga dengan tenaga-tenaga pengajar. Kita harapkan tenaga-tenaga pengajar yang terlatih dihantar ke kawasan-kawasan luar bandar supaya anak-anak di luar bandar pun mendapat bersama-sama mempelajari ilmu teknologi maklumat ini. Sejarah telah pun membuktikan di mana pada satu ketika dahulu guru-guru yang terlatih umpamanya dalam matematik dan sains, selalunya mengajar di dalam kawasan-kawasan bandar dan guru-guru yang kurang terlatih mengajar di kawasan-kawasan luar bandar. Itulah sebabnya berlakunya gap di antara pencapaian pelajar-pelajar luar bandar dan juga pelajar-pelajar dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.35, iaitu Kementerian Dalam Negeri, iaitu pertambahan peruntukan RM3.3 juta untuk membiayai perbelanjaan Pasukan Petugas Pekerja-pekerja Asing. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kita masih lagi mengharapkan pekerja-pekerja asing untuk membangunkan negara kita ini, untuk membangunkan ekonomi negara kita dan juga untuk memenuhi keperluan tenaga kerja yang tidak mencukupi di negara ini. Tetapi soalnya ialah adakah kita telah pun membuat persiapan-persiapan? Adakah kita telah pun membuat satu kajian mengenai keperluan pekerja-pekerja asing yang kita perlukan.

Selalunya kita buat secara ad-hoc. Sekarang pun kalau yang berdaftar lebih daripada 1.2 juta pekerja-pekerja asing, saya percaya di antara seorang yang mendaftar itu mungkin ada satu lagi yang tidak berdaftar pekerja-pekerja asing ini.

Saya berharap supaya badan petugas pekerja-pekerja asing ini bukannya ditubuhkan sebagai satu badan ad-hoc sahaja, kerana timbul masalah kita akan mengambil pegawai-pegawai daripada Jabatan Imigresen, selepas itu kita ambil pegawai-pegawai daripada Jabatan Buruh dan cuba kita menyelesaikan masalah ini. Kita harapkan supaya Badan Petugas Pekerja-pekerja asing ini dijadikan sebagai satu jabatan khas untuk menangani masalah pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pekerja-pekerja asing ini juga saya ingin mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Dato' Lim Ah Lek yang saya lihat seorang menteri yang sungguh prihatin, yang sentiasa melawat ke tempat-tempat pekerja-pekerja. Bila berlaku sahaja kemalangan-kemalangan, beliau akan pergi melawat sendiri dan juga memberikan pandangan yang ikhlas, kerana semalam kita dengar sahabat kita daripada Terengganu telah pun mengatakan bahawa terdapat majikan-majikan yang eksploit pekerja-pekerja asing ini - pekerja-pekerja yang kita mesti lihat mereka ini datang - betullah mereka ini datang untuk mencari nafkah, tetapi pada masa yang sama juga kita mesti memikirkan mereka juga sama-sama memberikan sumbangan kepada ekonomi negara kita. Kalau tidak ada pekerja-pekerja asing ini, kemungkinannya kita belum lagi sampai ke tahap seperti yang ada sekarang.

Jadi, kita berharap kepada majikan-majikan juga akan mempunyai perasaan keperimanasian, seperti yang telah pun ditunjukkan oleh Menteri Sumber Manusia supaya masalah perumahan mereka ini dilihat dan masalah-masalah sosial lain juga dilihat. Mereka itu datang jangan kita perah tenaga mereka tanpa kita mempedulikan masalah-masalah sosial yang lain, kerana mahu tidak mahu, kalau kita tidak mempedulikan masalah-masalah ini, ianya akan menjadi satu masalah negara. Kita lihat sekarang ini banyak masalah yang kita hadapi dengan datangnya pekerja-pekerja asing ini.

Sebenarnya kerajaan pun dalam keadaan dilema. Pada satu ketika kita hendakkan tenaga pekerja asing, dan pada satu masa yang sama juga, kita juga terpaksa menghadapi dilema dari segi perumahan, dari segi infrastruktur dan juga masalah-masalah lain yang dihadapi.

Saya berharap supaya satu perancangan terperinci dan kita boleh tugaskan kepada badan petugas pekerja-pekerja asing ini untuk memikirkan bentuk yang sesuai bagaimana cara perumahan mereka, cara tempat tinggal pekerja-pekerja asing ini supaya mereka itu tidak menjadi satu masalah sosial pula kepada negara dan juga masyarakat. Kita beritahu kepada majikan-majikan, kalau mereka hendakkan pekerja asing, mereka mesti mengadakan kongsi-kongsi ataupun perumahan-perumahan untuk mereka ini tinggal sebagai manusia biasa, ala



kadar, bukanlah maknanya hendak diadakan perumahan yang standard ataupun sebagainya. Sekurang-kurangnya mereka ini boleh tinggal dan mereka ini tidak menjadi masalah kepada masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Maksud B.47 iaitu Kementerian Pengangkutan, khasnya dari segi perkhidmatan teksi. Kita telah pun membaca di akhbar baru-baru ini bahawa pihak kerajaan akan menaikkan tambang teksi mulai daripada 15hb. Disember yang akan datang ini. Saya berharap sangatlah supaya dengan kenaikan tambang teksi ini perkhidmatan teksi yang lebih baik akan diberikan kepada masyarakat. Saya tiap-tiap hari membaca akhbar *The New Straits Times* dan saya membaca mengenai 'Taxi Watch', tiap-tiap hari ada ruangan itu. Segala keburukan pemandu-pemandu teksi ini dipaparkan di akhbar kita, dibaca oleh seluruh rakyat.

Saya tahu dan percaya seluruh rakyat Malaysia pun sudah tahu tentang masalah pemandu-pemandu teksi ini. Tetapi untuk berlaku adil kepada pemandu-pemandu teksi ini, saya percaya tentulah antara yang buruk, yang jahat dan sebagainya itu yang dipaparkan dalam ruangan 'Taxi Watch' itu tentu juga ada yang baik. Saya harap kepada surat khabar *The New Straits Times* akan juga berlaku adil kepada pemandu-pemandu teksi ini tunjukkan juga tentang kebaikan-kebaikan mereka. Jangan tunjuk yang tidak baik sahaja kerana mereka ini sudahlah tidak boleh hendak melawan. Kalau hendak cakap pun, surat khabar tidak akan keluarkan. Jadi, kita 'be fair', berlaku adil kepada mereka ini. Kalau kali ini kita keluarkan siri mengenai keburukan pemandu-pemandu teksi, selepas ini besok pula, kita akan keluarkan pula satu siri tentang kebaikan-kebaikan pemandu-pemandu teksi.

Saya percaya pemandu-pemandu teksi ini juga manusia biasa. Mereka juga ada kebaikan-kebaikannya. Jadi, untuk berlaku adil kepada mereka ini, saya berharap kepada pihak akhbar yang berkenaan supaya membuatkan satu ruangan untuk menunjukkan kebaikan-kebaikan mereka ini. Saya pernah berjumpa dengan drebar-drebar teksi, mereka juga menimbulkan masalah-masalah mereka. Ada juga masalah-masalah, kadangkala penumpang naik, sudah sampai satu destinasi, tidak mahu bayar dan terus lari keluar, sudah hilang pendapatan drebar teksi. Ini tidak dipaparkan di dalam surat khabar. Ini pun masalah. Kadangkala walaupun tidak dibayar RM10, RM20 itu, kalau kita bandingkan RM10, RM20 itu, dia boleh menampung untuk sehari perbelanjaan di rumahnya, untuk menampung anak-anak dan sebagainya.

Jadi, kita berharap kepada pihak-pihak yang tertentu jangan terlampau sangat, kita pun sudah tahu masalah ini. Kalau kita over sangat, kita masukkan dalam surat khabar, selepas itu dibaca oleh pelancong-pelancong dari luar negara dan maklumlah sekarang ini sudah masuk dalam Internet, kita tengok pelancong dari luar negara hendak datang ke Malaysia pun bertambah takut lagi, dia tengok drebar teksi pun sudah jadi takut. Kita sudah tahu masalahnya, tetapi kalau kita terlampau sangat, nanti pelancong-pelancong dari luar negara pun takut, ianya akan mendatangkan satu kesan yang negatif. Sesuatu perkara yang kita buat kalau berlebihan sangat, ianya akan mendatangkan satu kesan yang negatif. Saya percaya JPJ tahu, Kementerian Pengangkutan tahu, Kementerian

Pembangunan Usahawan pun tahu masalah-masalah ini. Itulah sebabnya telah pun dinaikkan tambang teksi mulai daripada 15hb. Disember yang akan datang.

Saya pernah bercakap dengan drebar teksi, mereka ini mengatakan, satu hari kalau dia bekerja secara ikhlas, secara tidak ada tipu, secara tidak ada tambang berlebihan, lebih-lebih pun dia boleh dapat dalam RM90 ataupun RM100, itu maksimum dia boleh dapat. Bayar sewa RM40, minyak katalah RM30, jadi RM70, selepas itu tinggal RM20 untuk drebar teksi yang bekerja 7 jam ataupun 8 jam dengan ikhlas, tidak ada menaikkan tambang, tidak ada mengenakan kadar bayaran yang lebih ataupun sebagainya. Memang susah hendak 'survive', tidak boleh 'survive' kalau hendak ikutkan meter betul-betul. Tetapi kadangkala susahnyanya kita ini, kerajaan kadangkala bila hendak naikkan tambang, orang sanggup bayar tambang yang lebih tetapi meter itu kata RM5, dia sanggup bayar RM5, tetapi kalau meter itu kata RM2, memang kita pun tidak sanggup bayar sampai RM5. Jadi, tindakan yang diambil ini diharapkan akan dapat menyelesaikan sedikit masalah mengenai kenaikan tambang teksi ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang ingin saya sentuh kerana banyak lagi perkara lain saya akan bercakap dalam Belanjawan 1997 yang akan datang. Satu lagi ialah mengenai Maksud B.37 iaitu Jabatan Imigresen yang telah pun diberikan peruntukan RM9.3 juta, kebanyakannya adalah untuk kenaikan gaji dan juga sebagainya.

Saya mengalu-alukan cadangan kerajaan baru-baru ini untuk mengadakan 'staggered working hours' mulai pada 1hb. Januari yang akan datang. Cuma saya harapkan, ini mungkin di peringkat percubaan, sekarang ini pukul 7.30 pagi hingga ke 6.30 petang. Kalau boleh pada masa-masa yang akan datang, kalau difikirkan perlu, kita sambungkan 'staggered working hours' ini sampai kepada jam 8.30 malam hingga 10.30 malam. Ini masa yang rakyat 'free' untuk pergi menyelesaikan masalah-masalah peribadi masing-masing. Kalau pukul 6.30 pagi, 7.30 pagi mungkin kena hantar anak ke sekolah ataupun hendak pergi ke pejabat ataupun sebagainya, manakala 6.30 petang hendak ambil anak dari sekolah dan juga selepas itu waktu maghrib sudah dekat hendak sampai, hendak pergi ke pasar ataupun sebagainya, tetapi antara pukul 8.30 malam sampai 10.30 malam, kebanyakan kita 'free' pada masa itu, dan masa itulah saya percaya mereka ini boleh menyelesaikan masalah-masalah mengenai imigresen, pendaftaran dan juga soal-soal lain yang berhubung dengan pejabat-pejabat kerajaan.

Sepatutnya 'staggered working hours' ini diadakan sekarang ini. Sekarang ini kalau di Jabatan Imigresen, kalau Tuan Yang di-Pertua tidak percaya, Tuan Yang di-Pertua pergi tengoklah betapa sesaknya Jabatan Imigreren, Jabatan Pendaftaran, tambahan pula sekarang ini sudah 'deadline' sampai 31hb. Disember ini hendak daftar kad pengenalan. Sepatutnya pegawai-pegawai kerajaan, saya percaya, kalau bekerja 'overtime' pun mereka itu sanggup, syaratnya bayar gaji lebih sedikitlah. Kerajaan pun ada duit, apa salahnya bayar gaji lebih sedikit supaya mereka itu boleh bekerja di sebelah malam pun untuk menyelesaikan "deadline" pada 31hb. Disember ini. Saya fikir tidak terlewat lagi. Kita kena fleksibel. Jangan hendak buat kajian dahulu ataupun sebagainya. Kalau kita lihat sahaja sesuatu keadaan itu mendesak, saya percaya kepimpinan pegawai-pegawai kerajaan boleh menyesuaikan dan juga membuatkan supaya Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran umpamanya dibuka di sebelah malam ataupun sebagainya untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan perkhidmatan jabatan kerajaan yang diadakan. Semalam, saya tengok Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita melancarkan "Inforline Cukai Pendapatan" - No.

600837888. Cuma satu sahajalah yang saya lihat kadar yang dikenakan itu terlampau tinggi sangat iaitu 13 sen untuk 10 second. Tadi saya cuba jugalah telefon untuk hendak mendapatkan maklumat, saya fikir saya guna pun dekat hendak 3, 4 minit, jadi tiap-tiap 10 second maknanya saya sudah berbelanja hampir RM3, RM4 sudah itu, untuk mendapatkan information.

Kita jangan sampai ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan daripada teknologi yang ada sekarang ini untuk mencari keuntungan. Sepatutnya ini sebagai satu perkhidmatan, sebagai satu servis bukannya dikenakan bayaran. Jangan pula pihak Telekom Malaysia, inilah peluang untuk mendapatkan keuntungan. Kadang-kadang kita tidak tahu sekarang ini banyak dalam line 600 ini, yang ada hendak dengar lagu pun boleh, hendak berkaraoke pun boleh, hendak bercakap dengan penyanyi pun boleh. Dia punya kadar yang dikenakan adalah terlampau tinggi sangat. Ini untuk perkhidmatan kepada rakyat. Saya percaya tidak payah sampai 13 sen untuk 10 second. Pada saya sepatutnya perkhidmatan yang diberikan untuk rakyat berhubung dengan jabatan kerajaan, kita tidak payah kena bayar pun. Sepatutnya free, sepatutnya ada toll-free-line, tiap-tiap jabatan kerajaan itu ada toll free linanya sendiri.

Kadangkala, katalah saya hendak melaporkan mengenai sesuatu tempat ada sampah dengan majlis bandaran ataupun sebagainya, saya pun fikir juga, sekali telefon saya sudah kena bayar sudah berapa sen dah. Mungkin 20 sen, 30 sen, 40 sen tetapi tujuan saya untuk kepentingan orang ramai. Saya hendak beritahu kawasan ini ada sampah, kawasan ini berlaku banjir, berlaku kesesakan ataupun sebagainya tetapi bila saya dail sahaja telefon, rakyat sudah kena bayar. Tetapi kalau dijadikan toll-free, saya berharap jabatan-jabatan yang tertentu adakan lain-lain yang toll-free, makna rakyat boleh mengadu. Kalau rakyat hendak buat pengaduan, hendak memberikan pertolongan dan sebagainya, jadi dia dapat beri pertolongan dan bil telefonnya tidak perlu naik pula. Sudahlah kita memberikan satu perkhidmatan secara sukarela, lepas itu bil telefon kita pula kita kena bayar.

Jadi, saya berharaplah kepada setengah-setengah jabatan kerajaan, sebagai satu masyarakat yang prihatin, sebagai jabatan kerajaan yang banyak hubungan dengan masyarakat supaya mengadakan banyak toll-free-lines ini untuk membolehkan rakyat berhubung atau melaporkan sesuatu perkara kepada jabatan-jabatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahajalah pandangan saya dan saya dengan ini menyokong Akta Perbekalan Tambahan (No. 2) 1996. Terima kasih.

### **3.54 ptg.**

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Akta Perbekalan Tambahan 1996 (No. 2) 1996. Pertamanya saya ingin menarik perhatian Maksud B.1 iaitu tambahan kepada Parlimen yang mana jumlah sepenuhnya telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka bagi tujuan Persidangan Antarabangsa Ahli-ahli Parlimen Wanita Islam Kedua.

Sebagai seorang Ahli Parlimen wanita Islam, saya ucapkan terima kasih di atas wang tambahan yang diberi dan berasa bersyukur kerana persidangan kedua itu telah diadakan di bawah bumbung Parlimen yang mulia ini dan sekali gus memberikan penghargaan kepada Ahli-ahli Parlimen Wanita Islam di Malaysia.

Saya, pada hari ini ingin menyarankan rasa terkilan saya kerana ada di antara kalangan Ahli Parlimen wanita Islam yang telah tidak didedahkan ke atas persidangan tersebut dan saya ingin mencadangkan supaya perkara ini dapat diperbaiki di masa hadapan supaya semua Ahli Parlimen wanita Islam mahupun bukan Islam diberi penghormatan untuk melibatkan diri sekurang-kurangnya dijemput sebagai pemerhati di masa persidangan dijalankan. Semoga dengan pendedahan tersebut Ahli Parlimen wanita Malaysia akan lebih berpengetahuan di atas hal-hal yang dibincangkan. Saya juga ingin mencadangkan supaya satu salinan ketetapan/rumusan ataupun resolusi persidangan di bahagi-bahagikan kepada Ahli-ahli Parlimen wanita di sini.

Bagi Maksud B.19 - Kementerian Pertanian. Tambahan sebanyak RM77,079,300 bagi tujuan membiayai penyelarasan gaji dan elaun kakitangan awam di Kementerian Pertanian. Saya merasakan memanglah wajar mereka diperuntukkan tambahan tersebut sebagaimana juga kementerian yang lain. Cuma, saya sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini ingin menyarankan supaya kakitangan yang begitu ramai dan berkebolehan membuat sesuatu supaya produktiviti kementerian dapat dilihat apabila berakhirnya tahun 1996. Saya merasa agak kecewa jika Kementerian Pertanian masih di takuk lama yang mana pada tahun 1995 telah menurun dan sangat-sangat mengecewakan.

Pada anggapan saya, kalau produktiviti Kementerian Pertanian begitu, maka begitulah juga produktiviti seluruh petani negara dan produktiviti penduduk luar bandar di seluruh negara. Mintalah diberi perhatian yang serius di atas membaik pulih tanah terbiar dan juga pemasaran barangan yang bermutu hasil tani petani-petani kita.

Saya juga ingin menarik perhatian berkenaan dengan tanah terbiar yang khususnya dibiarkan kerana pemiliknya ataupun tanah-tanah tersebut di dalam kuasa ataupun masih dipunyai oleh ramai yang mendapat hak di atas tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan Maksud B.34 peruntukan tambahan Kementerian Kesihatan kerana saya dapati kementerian ini telah memperolehi peruntukan tambahan dalam jadual yang lepas dan juga di dalam jadual ini. Ini menunjukkan betapa prihatinnya kerajaan terhadap kesihatan rakyat semua. Saya bukan sahaja bersetuju dengan pembiayaan pelarasan gaji dan elaun kakitangan, saya juga amat bersetuju dengan peruntukan RM2,450,000 di atas pembelian peralatan makmal kawalan mutu makanan bagi mengesan sisa toksid daripada makanan segar dan mudah rosak.

Saya percaya hasrat kerajaan untuk kawalan mutu makanan ini dapat dijalankan sepenuhnya dan tidak ditangguhkan pelaksanaannya, tambahan pula jumlah tersebut telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka. Saya dengan ini memohon laporan singkat berkenaan dengan tahap pencapaian makmal tersebut. Adakah semuanya berjalan mengikut jadual dan bilakah ianya boleh beroperasi sepenuhnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada Maksud B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang memerlukan RM11.105 juta untuk menjelaskan pinjaman Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) yang telah dihapuskira. Apakah kiranya nasib lembaga-lembaga kemajuan termasuklah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ini jika dari masa ke semasa harus dibantu bagi menjelaskan pinjaman yang perlu dihapuskira? Sampai bilakah agaknya pegawai dan kakitangan badan-badan berkanun ini dapat mengawal dan berusaha supaya tidak berlaku lagi pembaziran wang? Saya kira dengan pelarasan gaji dan elaun kakitangan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dapatlah menjalankan kerja yang dapat mengawal perkara yang disebutkan tadi daripada berlaku.

Buat akhirnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.43, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Saya mengalu-alukan pelarasan gaji dan elaun kakitangan kementerian tersebut, malahan di sini saya ingin menyuarakan berkenaan perkara perjawatan di Jabatan Pembangunan Koperasi yang dikendalikan oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Sebagai pecinta gerakan koperasi, saya dapati bahawa ada dua perkara besar perjawatan yang harus diselesaikan oleh kementerian jika kementerian benar-benar ingin gerakan koperasi menjadi sektor ketiga ekonomi negara yang berdaya maju dan dapat dibanggakan.

Sebelum itu, saya ingin menjelaskan bahawa gerakan koperasi adalah gerakan dunia yang diberi sokongan oleh Bangsa-bangsa Bersatu yang kini telah berusia 150 tahun yang mempunyai jatidiri tersendiri dengan nilai-nilai sejagat dan prinsip-prinsip tertentu yang telah digunapakai oleh seluruh dunia termasuk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pertama yang ingin saya kemukakan ialah pengisian jawatan-jawatan tertinggi di dalam Jabatan Pembangunan Koperasi. Di peringkat awal

lagi, seorang yang dipertanggungjawabkan untuk jawatan tertinggi di dalam jabatan telah ditentukan supaya disandang oleh pegawai-pegawai yang bijak dan faham di atas jatidiri koperasi dan juga punya pengalaman di dalam penyelenggaraan gerakan koperasi.

Sejak kebelakangan ini, telah dilantik Pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomat (PTD) bagi mengisi jawatan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi yang mana selalunya dijadikan jawatan tempat marking time, dengan izin, yang mana bagi pegawai-pegawai yang menunggu untuk bersara ataupun diberi kepada pegawai-pegawai PTD yang bermasalah dengan kementerian lain.

Diharapkan juga tidak berlaku di mana pegawai-pegawai PTD tadi, setelah mengambil masa bagi menyesuaikan diri dengan konsep koperasi dan apabila sudah ada penyesuaian, ditukarkan ke jabatan-jabatan yang lain, dinaikkan pangkat ataupun terus bersara. Amalan ini akan merugikan jabatan dan seterusnya merugikan gerakan koperasi negara.

Sebagai satu bukti yang nyata terhadap kelemahan ini, bolehlah dilihat di mana wujudnya beberapa kepincangan di dalam pelaksanaan Akta Koperasi 1993 dan juga peraturan-peraturan yang telah digubal tidak dapat dijalankan atau sukar untuk dijalankan dan perlu diperbaiki, diubah, dipinda dan diberi tempoh lanjutan untuk dilaksanakan. Saya yakin jika pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan terdiri dari kalangan pegawai-pegawai yang berpengalaman, perkara-perkara ini tentu tidak berlaku.

Oleh itu, saya minta kementerian meneliti hal ini supaya gerakan koperasi negara menepati sepenuhnya dasar-dasar kerajaan. Pada pandangan saya kementerian hendaklah mempertimbangkan pegawai-pegawai dari jabatan diberi keutamaan bagi menjawat jawatan tertinggi supaya perkhidmatan dan pelaksanaan oleh ketua-ketua jabatan yang tidak peka dan tidak berkemahiran di dalam mengendalikan gerakan koperasi yang

mempunyai 4 juta anggota yang mempunyai jatidiri, nilai-nilai dan prinsip yang digunapakai oleh seluruh dunia.

Keduanya, saya juga ingin menarik perhatian kementerian di atas satu lagi kes perjawatan yang telah tidak diisi selama hampir 5 tahun yang lalu. Adakah kementerian berfikir bahawa jawatan Timbalan Ketua Pengarah 1 tidak penting untuk diisi sekian lama? Bagi saya, satu jawatan yang kosong tentulah membebankan pegawai-pegawai yang lain yang mana akan membuat pegawai tersebut tidak dapat menjalankan tugas hakiki mereka kerana diberi tugas-tugas bagi tanggungjawab jawatan yang kosong tersebut.

Oleh itu, bagi memperbaiki perkhidmatan Jabatan Pembangunan Koperasi, saya syorkan supaya jawatan Timbalan Ketua Pengarah 1 diisi dengan kadar segera. Jawatan ini haruslah dipertanggungjawabkan kepada pegawai-pegawai dari jabatan yang boleh membantu Ketua Pengarah yang kini disandang oleh pegawai PTD tadi. Habis bab perjawatan.

Saya ingin memberikan ucapan tahniah kepada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi yang telah pun mengisytiharkan Angkasa sebagai puncak koperasi negara. Saya percaya Angkasa telah pun memainkan peranan tersebut dengan baik dan setakat ini telah pun memberi pendidikan kepada hampir 30 juta anggota koperasi di setiap pekan, kampung dan desa di seluruh negara pada tiap-tiap tahun dan Angkasa juga telah dapat mewakili gerakan koperasi negara dengan jayanya di peringkat serantau dan antarabangsa.

Saya ingin menarik perhatian bahawa setelah dipinda Rang Undang-undang Koperasi pada 7 Ogos 1996 yang lalu, maka seluruh gerakan koperasi negara, terutamanya Angkasa menunggu pengumuman Yang Berhormat Menteri di atas penyediaan pengwujudan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi. Saya

berharap Yang Berhormat Menteri dapat melakukan secepat mungkin kerana telah 2 tahun, iaitu tahun 1994 dan 1995 Angkasa tidak mendapat kutipan 1% daripada keuntungan gerakan koperasi sebagaimana yang telah tidak diberhentikan kutipan 2% bagi keuntungan koperasi yang dimanfaatkan oleh Maktab Kerjasama Malaysia. Oleh itu selama 2 tahun, walaupun Angkasa telah menjalankan tugas sebagai badan puncak koperasi Malaysia, ia telah tidak diberi kemudahan tersebut yang juga telah tidak meneruna apa-apa yuran kerana terpaksa menyesuaikan dengan kehendak Akta Koperasi 1993. Oleh itu, saya harap, sebagaimana dijanjikan secara tidak rasmi oleh pegawai-pegawai dan oleh Yang Berhormat sendiri dapat mempercepatkan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dan kutipan 1% daripada keuntungan koperasi supaya Angkasa dapat terus menjalankan kerja-kerja sebagai badan puncak koperasi dengan teratur, berkeupayaan dan tidak diganggu.

Di sini, saya juga ingin mencadangkan dan mengulangi cadangan saya pada 7 Ogos 1996 yang lalu supaya Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dikendalikan oleh wakil-wakil dari badan puncak koperasi dalam jumlah yang munasabah kerana keseluruhan wang tersebut adalah wang dari gerakan koperasi. Tidaklah adil sekiranya kumpulan wang tersebut dikendalikan, misalnya 80% oleh pegawai-pegawai kerajaan. Sangat baik sekiranya majoriti adalah daripada Angkasa yang mewakili gerakan koperasi negara.

Sekian Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) (No. 2) 1996.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba.

**5.09 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta untuk membahaskan Rang Undang Perbekalan Tambahan (1996)(No.2) 1996.

Saya suka menyentuh berhubung dengan Maksud B.34, Kementerian Kesihatan yang juga telah pun membuat peruntukan tambahan bagi melaksanakan pengurusan Jabatan Kesihatan bagi Kementerian Kesihatan.



Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian bahawa Kementerian Kesihatan mestilah mengambil perhatian yang jelas iaitu berhubung dengan kedudukan hospital-hospital daerah. Kebanyakan hospital di daerah ini kurang keselesaan dan tidak cukup alat-alat sebagaimana yang sepatutnya. Kerana kalau kita memandang hospital di daerah-daerah ini, kebanyakan yang datang untuk meminta pertolongan dan sebagainya adalah dari golongan orang-orang yang miskin yang datang dari kampung.

Jadi sepatutnyalah Kementerian Kesihatan menumpukan atau menambahkan keselesaan bagi hal-hal peralatan di hospital di daerah-daerah bukan sahaja ditumpukan di bandar-bandar. Selain daripada itu kita selalu dapati banyak doktor sekarang ini meletakkan jawatan khasnya doktor-doktor kerajaan, mengapa berlaku sedemikian?

Pertamanya, jelas bagi kita bahawa mereka meletakkan jawatan membuka firma sendiri tentulah untuk mendapatkan pendapatan yang lumayan. Jadi, pihak kementerian yang tersebut patut mengkaji untuk meninggi atau menaikkan gaji doktor-doktor dan kakitangan kesihatan kita supaya tidak mudah mereka meninggalkan jabatan ataupun bekerja dengan kerajaan. Hal ini akan menyulitkan rakyat sendiri.

Jadi, kalau dia buka firma sendiri ataupun banyak firma ataupun hospital-hospital swasta menyulitkan bagi pihak orang-orang kampung dan orang-orang miskin yang tidak terdaya untuk membayar, bagaimana untuk mendapat perkhidmatan perubatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya suka mengambil atau menyentuh Perkara B.47, Kementerian Pengangkutan. Ini telah banyak diperkatakan dan telah pun banyak disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat hari semalam. Kematian deri masa ke semasa bertambah bukan berkurangan, sekalipun banyak kempen, penerangan yang telah pun diberi, langkah-langkah keselamatan telah diambil oleh pihak-pihak keselamatan. Saya diberitahu oleh kementerian tersebut kedudukan polis ataupun trafik sekarang ini ialah

sangat kekurangan maknanya yang didapati satu daerah itu, enam orang sahaja polis trafik.

Kalaulah enam orang, bagaimana hendak menjaga keselamatan sedangkan kita ketahui bahawa kenderaan begitu banyak bertambah setiap hari. Pendaftaran ditambah, motor ditambah, jalan raya ditambah bukan sahaja lebuhraya bahkan di kampung-kampung, di desa-desa banyak jalan raya bahkan kematian pelanggaran banyak di desa-desa dan di kampung.

Begitu juga bilangan manusia bertambah tetapi dari segi keselamatan kalau polis trafik ini tidak ditambah akan menyulitkan dan bertambah lagi kematian. Banyak yang mati ialah remaja kita yang berumur 18 - 35 tahun, yang banyak mati juga orang muda-muda kita, orang-orang lelaki. Kalau banyak mati orang lelaki besok, bagaimana calon orang perempuan, anak-anak gadis kita, tidak ada calon lagi. Walaupun kita boleh beristeri empat tetapi takkan macam kita hendak mengambil peluang tersebut, betapa hal yang berlaku anak gadis itu, anak buah kita sendiri. Inilah yang patut kita fikirkan dari segi keselamatan.

Satu daerah kalau kita katakan enam orang polis trafik kalau dimisalkan daerah Muar misalnya, daerah Muar dibandingkan dengan negeri Melaka, sama besar lebih kurang. Tuan Yang di-Pertua, cuba kita fikirkan sedemikian, bagaimana kedudukan polis yang hendak mengawal keadaan? Apatah lagi sekarang ini berhubung dengan perlumbaan haram berlaku di sana sini khasnya di ibu kota kita.

Ada sindiket yang menganjurkan perlumbaan haram ini. Sindiket ini memberikan hadiah yang lumayan tidak kurang RM1,000, kalau dapat johan. Naib johannya RM500 - RM700 yang diberitahu, maaf cakap, ada juga sindiket yang memberikan habuan jika mendapat johan boleh dapat 'amoi', maknanya diumpan dengan wanita. Ini juga yang menarik perhatian kepada anak-anak muda kita.

Jadi, sangat merbahaya kalau kita tidak menambah lagi bilangan keselamatan ini pasukan polis kita khasnya, pasukan trafik. Sepatutnya bagi pihak JPA mesti menambah dengan segera bilangan trafik ini supaya menjaga keselamatan negara kita yang begitu pesat membangun dengan jalan-jalan raya yang besar, dengan jalan raya di kampung-kampung, dengan penambahan kenderaan, lori yang besar-besar, kenderaan motor bertambah.

Semalam kita dengar bahawa ada di antara Yang Berhormat mengatakan satu pihak akan mengusahakan kereta-kereta motor yang laju-laju, bagaimana pula kita hendak mengemaskinikan supaya tidak berlaku kemalangan yang banyak bahkan bertambah setiap masa. Inilah yang menjadikan masalah kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh soal B.46, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar. Baru-baru ini telah pun diadakan kempen di seluruh negara. Melaka menjadi tuan rumah Kempen Alam Sekitar tetapi saya hendak memberikan pandangan. Alam sekitar dunia ini semakin bertambah dengan industri bukan sahaja di bandar-bandar bahkan di pekan-pekan kecil di kampung-kampung. Masalahnya, sepatutnya alam sekitar ini mengkaji kedudukan bengkel-bengkel ataupun woksyop-woksyop motor atau woksyop kereta, kenderaan dan sebagainya tidak dibenarkan berselerak di seluruh tempat atau di kampung. Mesti kita mengadakan tempat yang khas untuk mereka mengadakan bengkel-bengkel tersebut. Sepatutnyalah sama ada Majlis Daerah, Majlis Perbandaran untuk menentukan sesuatu tempat bagi pengusaha bengkel-bengkel tersebut supaya pencemaran tidak berlaku dan tidak akan menjadi merbahaya kepada penduduk-penduduk.

Kita mengharapkan rakyat yang ramai dalam negara kita mendapat keselesaan tidak tercemar dengan keadaan sedemikian. Jadi, saya mengharapkan kementerian yang berkenaan supaya mengatur keadaan dan bekerjasama dengan Majlis Daerah, Majlis

Perbandaran untuk menentukan tempat-tempat yang diletakkan bengkel-bengkel atau woksyop-woksyop ini di satu-satu kawasan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh Kementerian Pertanian juga yang telah disentuh oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Kementerian Pertanian ini pada masa yang lepas saya telah menyebut dua perkara berhubung dengan tanah-tanah terbiar, sawah terbiar. Hal tersebut patut kita atasi. Sekarang ini kita rakyat Malaysia boleh dikatakan keseluruhannya memakan padi beras, tidak banyak yang memakan lain daripada beras ataupun padi.

Jadi, betapa hal tanah-tanah sawah yang terbiar ini sepatutnya kita mengadakan peruntukan membantu petani dan peladang ini yang lebih tinggi peruntutannya lagi. Umpamanya kita mesti menambah peruntukan membanyakkan pesawah ini mempunyai jentera, bajak, traktor dan sebagainya agar dapat mengusahakan tanah-tanah terbiar. Walau bagaimanapun, apa cara pun mestilah kita mengatasi tanah-tanah terbiar ini supaya dapat menghasilkan kepada petani-petani dan menguntungkan negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, mengikut Menteri yang akan menjawab, dijemput Menteri Kewangan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Sikit lagi. Minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum habis lagi. Saya ingat sudah habis tadi. Belum habis, saya maafkan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Ya, terima kasih, dengan itu saya menyokong berhubung dengan peruntukan Perbekalan 1996. Terima kasih.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Ada seorang lagi ahli wanita hendak bercakap ya. Sila.

**4.20 ptg.**

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996)(No.2) 1996 bagi perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu prinsip utama yang memantapkan tamadun silam seperti tamadun Mesir, Mesopotamia, Indus dan Kwang Ho ialah mempunyai organisasi kerajaan yang tersusun dan kakitangannya yang berkemahiran, efisien, amanah dan cekap. Dan dalam konteks ini, tentu sekali negara kita mempunyai organisasi yang begitu, kerana kita juga dalam satu tahap mengarah kepada tahap ketamadunan yang lebih tinggi.

Kita juga tidak dapat menafikan perkhidmatan kerajaan pada tahun yang lalu telah juga bekerja bersungguh-sungguh menyumbang mencapai tahap 8.2% pertumbuhan ekonomi dan kawalan inflasi 3.6%, keamanan negara dan memberi perkhidmatan, aman serta kebajikan dan pengurusan jentera kerajaan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua anggota perkhidmatan awam dan seterusnya mengalu-alukan perlantikan Ketua Setiausaha Negara yang baru iaitu Dato' Abdullah Halim bin Ali, yang saya yakin akan memimpin perkhidmatan awam yang terus diperlukan dan sangat relevan kepada negara kini, untuk mencapai ekspektasi rakyat yang menaruh penuh harapan kepada memmanifestasikan cogan kata kita 'Bersih, Cekap dan Amanah', dalam erti kata sepenuhnya dan sebenarnya dan tahap perkhidmatan kepada ISO 9000 dalam abad ke-21 milik bersama sepertimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Panel Global 1996 di The Hague, Belanda baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil, jika kita hanya menuding jari kepada perkhidmatan awam bila mana kita mendapati kelemahan dalam sistem dan perkhidmatan yang ada. Kita perlu melihat kepada sebab-musababnya dan kita juga perlu mengatasi masalahnya.

Saya merasakan bahawa kelemahan yang wujud adalah bukan hanya disebabkan oleh pentadbir dan pegawai kerajaan, tetapi juga ada kalanya oleh pengguna itu sendiri iaitu pihak awam itu sendiri dan ada kalanya oleh pihak yang lebih tinggi dan tidak kurang juga kadangkala oleh pemimpinnya sendiri. Jadi, semuanya mempunyai kelemahan.

Walau bagaimanapun, kita perlu berusaha untuk terus memantapkan organisasi kerajaan yang mana kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan undang-undang yang telah menyokong perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dan sedar bahawa elemen manusia atau orang dalam sesuatu organisasi pentadbiran adalah elemen yang sangat penting. Beberapa ciri perlu dilaksanakan oleh mereka untuk menjalankan sesuatu jentera kerajaan atau organisasi. Saya telah memilih tiga ciri yang saya anggap penting dan saya percaya juga ada ciri-ciri lain yang tidak kurang penting.

Yang pertamanya, ialah tentang ketelitian. Di sini ingin saya menarik perhatian kepada Maksud B.9 di bawah Jadual iaitu Jabatan Perangkaan. Ketelitian dalam melaksanakan tugas-tugas perkhidmatan awam ataupun di sektor swasta adalah sangat penting dan kita tahu juga tanpa ketelitian mungkin kerja-kerja kita tidak dapat memberikan hasil yang kita mahukan dan matlamat yang hendak kita capai.

Di sini, saya ingin menarik perhatian kita kepada apa yang telah dilaporkan dalam surat khabar mengenai perangkaan yang telah diberi oleh Jabatan Perangkaan mengenai jumlah penduduk (jantina) di negara ini iaitu dikatakan ada terdapat kesilapan. Dulu-dulu kita sentiasa diberitahu bahawa sebenarnya ramai perempuan daripada lelaki dan maklumat yang terakhir daripada Jabatan Perangkaan ialah lelaki sebenarnya lebih daripada perempuan dengan nisbah 102:100.

Saya menarik perhatian kita kepada maklumat ini ataupun salah maklumat daripada Jabatan Perangkaan kerana kepada kita semua Jabatan Perangkaan adalah satu jabatan yang sangat penting, yang merupakan satu authoriti kepada kita semua bukan sahaja untuk pihak awam, tetapi juga kepada rakyat jelata, terutamanya kepada mereka yang membuat polisi kerajaan dan juga ianya memberi beberapa implikasi yang mungkin memudaratkan.

Pada saya, mungkin perkara ini dianggap tidak berapa penting kerana apa yang hanya silap ialah mengatakan bahawa sebenarnya orang perempuan dan orang lelaki lebih daripada perempuan. Jadi, Yang Berhormat pun risau kalau banyak lagi orang perempuan daripada orang lelaki. Tetapi, daripada maklumat dahulu yang kita bersangkaan bahawa ramai lelaki daripada perempuan.

Satu implikasi yang agak serius yang mungkin ramai tak merasakan, tetapi kerana kerja saya juga adalah sebagai seorang peguam yang berdepan dengan masalah syariah, terutamanya poligami, kita dapati banyaknya kes poligami walau kita mahu atau tidak mahu menerima hakikat bahawa terdapatnya ramai lelaki yang berkahwin lebih dari satu memberi alasan bahawa salah satu sebabnya ialah ramai perempuan daripada lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, ada ceramah di mana mereka mengatakan, menggalakkan poligami kerana ramai perempuan yang tidak terbela dan sebagainya. Tahukah wahi Jabatan Perangkaan bahawa oleh kerana mungkin bukan kerana ini tetapi saya rasa juga kerana perangkaan yang tidak tepat itu, maka banyaknya masalah sosial yang timbul kerana berlakunya poligami dan kita tidak dapat tidak perlu menghadapi masalah ini yang banyak kita dengar, terutamanya bila mana ada bapa yang enggan membayar nafkah kepada anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, saya sedang mengumpul maklumat daripada 15 orang wanita ataupun wanita yang telah diceraikan atas sebab suami berkahwin lain

dan membuat kajian bagaimanakah hendak mengatasi masalah mereka mendapatkan nafkah untuk pembiayaan anak-anak.

Justeru itu, apa yang saya cuba hendak sampaikan ialah implikasi ketidaktelitian dalam kita melaksanakan tugas-tugas membawa kepada implikasi yang mungkin kita tidak terimpi atau terbayang, samalah juga mungkin saya boleh sebut sama ada boleh dipersoalkan bagaimana penswastaaan IWK. Adakah penelitian yang betul-betul telah dibuat sebelum ia menjadi diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, ada pepatah Melayu yang mengatakan, yang mungkin elok kita jadikan sebagai panduan tentang ketelitian. Ianya berbunyi begini, '*ular dipukul mesti mati, kayu pemukul jangan patah, tanah jangan lebam*', begitulah bagaimana orang-orang Melayu dalam menjalankan kerja-kerjanya begitu teliti hinggakan tidak ada yang akan menjadi kurang oleh kerana ketelitian yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, ialah tentang keprihatinan. Ini juga adalah satu ciri yang penting dalam kita menjalankan tugas-tugas kita dan saya ingin menyebut tentang Maksud B.10 - Jabatan Peguam Negara.

Jabatan Peguam Negara adalah satu jabatan yang sangat penting dalam kerajaan. Pada saya ianya sangat penting kerana ianya menggubal undang-undang untuk memastikan bahawa jentera pentadbiran negara, undang-undang negara dapat dikuatkuasakan dan dilaksanakan. Maka keprihatinan dan kecekapan pihak Jabatan Peguam Negara adalah sangat-sangat diharapkan. Kita juga tahu bahawa kurangnya keprihatinan akan menyebabkan kelewatan. Dan kelewatan akan bermakna kalau dilakukan oleh Jabatan Peguam Negara, dengan izin, merupakan "Justice delay is justice deny". Bagi peguam-peguam ini adalah sangat biasa didengar, tetapi tidak perlu dijadikan sebagai satu amalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa pindaan kepada Akta Rasuah telah pun dikemukakan kepada Peguam Negara. Kalau tidak silap saya, kalau tidak



betul, sila betulkan - sudah hampir 6 bulan dan masih belum dapat dikemukakan untuk dibahaskan di Dewan Negara. Saya ingat pada tahun lepas dalam sesi-sesi lain saya banyak mengemukakan soalan-soalan mengenai Akta Rasuah. Saya juga banyak mengemukakan pertanyaan-pertanyaan keberkesanan undang-undang rasuah di negara ini. Kalau kita semua telah mengikuti perbahasan pada hari kelmarin, kita dapati ramai ahli-ahli Dewan telah mengemukakan dan menyuarakan rasa kebimbangan, rasa kegusaran mereka mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan rasuah. Kita tahu rasuah ini akan berterusan jikalau kita tidak dapat membanterasnya dan cara membanterasnya, antara cara yang berkesan ialah dengan menggunakan instrument undang-undang.

Jadi, jikalau undang-undang yang ada, yang didapati ada kelemahan dan telahpun dibaiki, dan masih lagi tidak diberi priority supaya dipercepatkan untuk dapat dibentang, dibahas dan diluluskan, maka pastinyalah kes-kes rasuah yang telah kita kemukakan masih tidak dapat dibawa ke mahkamah dan disabitkan. Itu tidak kira lagi kes-kes yang banyak dibuang atau kes-kes yang didapati tidak dapat disabitkan. Sebab saya ingat semasa saya bertanya tentang kes-kes rasuah, memang sedikit sangat dari jabatan kerajaan. Saya tidak tahu sama ada ianya kerana kelemahan undang-undang atau kelemahan pendakwa atau kelemahan apa yang saya sendiri mungkin tidak tahu, tetapi apa yang saya baca dalam suratkhbar, baru-baru ini dalam bulan Ogos, BPR telah menangkap 27 orang yang terlibat dalam rasuah tentang rumah kos rendah, di mana pegawai-pegawai kerajaan dari agensi kerajaan dan swasta telah ditangkap melakukan rasuah - menerima wang untuk membolehkan pembeli mendapat rumah kos rendah.

Kita tahu rumah kos rendah adalah untuk orang miskin dan kita tahu kalau berterusanlah rasuah begini, pastinyalah yang akan menjadi mangsa ialah orang miskin dan kerajaan serta pegawai-pegawai kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk

mendapatkan rumah kos rendah. Kementerian Kewangan - Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkali-kali menyatakan betapa beliau merasa begitu prihatin kepada nasib orang miskin, nasib orang yang tinggal di rumah yang tidak selesa untuk diberikan rumah. Oleh kerana kecuaiannya, kekurangan keprihatinan kita maka berlaku perkara-perkara ini yang menyekat segala usaha-usaha murni kita.

Begitu juga apabila ditangkap 2 orang oleh Pegawai JPJ (spot check) - ini PUSPAKOM, kerana memberi sijil kenderaan tanpa pemeriksaan. Perkara-perkara begini adalah perkara-perkara yang memang akan memberi implikasi kepada orang awam. Bayangkanlah kalau kenderaan yang dibawa itu kenderaan yang tidak sesuai untuk dibawa. Katakanlah itu bas ekspres yang membawa anak-anak kita balik ke asrama, contohnya, alangkah malangnya, oleh kerana berlakunya rasuah, oleh kerana kita gagal untuk membanteras rasuah, maka perkara-perkara ini berterusan. Tidak ada gunanya kita di dalam Dewan membincangkan mengapa banyak sangat kenderaan yang accident dan sebagainya. Jadi, saya mengharapkan bahawa rang undang-undang ini akan dapat diberi priority dan akan dibentangkan dalam sesi Dewan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang sangat itu!

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Panjang? Sedikit lagi. Kalau bolehlah. Saya hendak bercakap tentang ketelusan. Ketelusan juga ialah satu ciri perkhidmatan.

Tuan Pengerusi, saya sudah ringkaskan. Sedikit sahaja lagi. Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehlah, tetapi jangan panjang sangat.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Ini ialah tentang ketelusan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ketelusan atau kelulusan?

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Ketelusan - telus. Perkataan baru, Tuan Pengerusi, ingin saya menarik perhatian Maksud B.28 - ini mengenai Suruhanjaya Sekuriti,

mengenai banyak kes yang kita dengar di Bursa Saham, tetapi saya ingin menekankan sedikit tentang ciri ketelusan ini kerana kita dapati ada sebuah syarikat Fumakila yang telah tidak dapat disenaraikan. Kita ingin mendapatkan penjelasan kenapakah berlakunya perkara tersebut? Adakah disebabkan Undang-undang Sekuriti, yang kita masih ingat lagi, yang kita bahaskan di Dewan ini dahulu tidak kemas dan perlu dikaji semula. Di sini mungkin Ahli-ahli Parlimen juga perlu memikirkan, adakah kita juga telah menjalankan tugas kita dengan baik, telah dapat memberikan ciri-ciri yang tiga tadi - ketelitian, keprihatian dan ketelusan.

Tuan Pengerusi, oleh sebab tidak ada masa lagi, saya ingin menyatakan bahawa ketiga-tiga ciri yang telah saya kemukakan tadi adalah merupakan ciri-ciri yang juga penting, yang perlu diambil kira oleh Perkhidmatan Awam dan saya mengharapkan untuk tahun-tahun yang akan datang ini, pihak Perkhidmatan Awam akan terus membuat perancangannya untuk mencapai ketamadunan negara sepertimana yang dialu-alukan dan saya juga ingin menarik perhatian kita semua iaitu berbalik kepada perkara-perkara yang biasa dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, terutama, kita mungkin menggalakkan bacaan buku-buku Ibnu Khaldun, iaitu dalam buku Al-Mukaddimah, Adam Smith dengan buku "Theory of Morale Sentiments" dan beberapa buku lain lagi yang saya rasa pegawai-pegawai kita juga pernah mendengar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyarankan, agar dengan ilmu, akal dan budi, kita akan terus dapat menyumbang untuk agama, bangsa dan negara.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian menjawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian secara aktif dalam Perbekalan Tambahan ini dan saya mohon untuk menjawab seberapa yang boleh perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ding Seling dari Sarawak yang mengesyorkan supaya Kementerian Pertanian bekerjasama dengan KPLB bagi memajukan tanah-tanah pertanian di Sarawak, Kementerian Pertanian memang sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar bagi memajukan tanah-tanah pertanian termasuk juga di Sarawak dan pada masa ini agensi-agensi Kementerian Pertanian seperti JPS, Jabatan Pertanian dan FELCRA di bawah KPLB sedang bekerjasama dalam memajukan kawasan-kawasan tertentu di Sarawak.

Agensi-agensi Kementerian Pertanian terlibat dengan memberi khidmat sokongan seperti penyediaan infrastruktur dan khidmat pembangunan manakala FELCRA terlibat dengan pengurusan ladang yang lebih teratur bagi memastikan pulangan yang lebih kepada petani-petani.

Yang Berhormat Ding Seling juga mengesyorkan supaya kerajaan menambahkan pegawai-pegawai khidmat pembangunan (Extention Officers) di Sarawak bagi meningkatkan pengeluaran tanah dalam pertanian di Sarawak. Kementerian Pertanian akan mengkaji perkara ini dengan lebih teliti dan sekiranya didapati perlu mengemukakan untuk pertimbangan pihak-pihak yang terlibat dengan sewajarnya.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Tun Ding Seling, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno dan Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi telah pun menyatakan mengenai pendidikan.

Kementerian Pendidikan amat peka tentang perkara-perkara yang dibangkitkan, pertamanya mengenai kekurangan guru di sekolah rendah, sekolah menengah dan langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian Pendidikan:

- (i) melaksanakan pengambilan guru pelatih dua kali setahun untuk Kursus Perguruan Asas bagi Perguruan Sekolah Rendah;
- (ii) mengadakan Program Kursus Dalam Cuti dan juga meningkatkan bilangan guru pelatih bagi Program Diploma Perguruan Malaysia (DPM); dan
- (iii) mengadakan program berkembar antara maktab perguruan dengan universiti-univeriti tempatan dan luar negara dan melantik guru-guru sandaran yang tidak terlatih (GSTT) oleh Jabatan Pendidikan.

Selain daripada itu dibangkitkan juga mengenai keadaan fizikal di sekolah di Sarawak, Sabah dan kawasan pedalaman tidak memuaskan serta penyediaan asrama untuk pelajar.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh Kementerian Pendidikan akan membina sebanyak 14 buah sekolah rendah baru, 17 sekolah rendah gantian dan 8 sekolah menengah baru serta 12 buah asrama pelajar bagi negeri Sarawak.

Di Sabah pula 10 buah sekolah rendah kebangsaan baru, 7 buah sekolah rendah kebangsaan tambahan, 11 buah sekolah rendah kebangsaan gantian, manakala sekolah menengah baru sebanyak 5 buah, sekolah menengah tambahan sebanyak 6 buah, sekolah gantian 6 buah, 2 buah asrama pelajar juga akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Kementerian Pendidikan memperuntukkan berjuta-juta ringgit mengenai perkara ini dan kita akan cuba untuk memastikan bahawa dasar kita untuk menjadikan

pendidikan sebagai satu komoditi dan kecemerlangan pendidikan akan dapat dilaksanakan secara beransur-ansur.

Mengenai kualiti guru sentiasa dipertingkatkan menerusi latihan seperti mana yang saya katakan tadi praperkhidmatan dalam perkhidmatan dan kita cuba hendak meningkatkan profesionalisme guru-guru, di mana sekarang ini terdapat ramai guru yang sedang berkursus di maktab-maktab perguruan dan mereka ini akan boleh terus masuk ke peringkat universiti tahun dua supaya dapat melekas dan mempercepatkan lagi masalah-masalah yang dihadapi.

Apa yang diperkatakan tempoh hari mengenai kekurangan pelajar-pelajar kita dalam matematik, sains dan juga bahasa Inggeris, Kementerian Pendidikan sedang berusaha di dalam perkara ini. Dan baru-baru ini kita telah juga mendengar ada yang memperkatakan bahawa kekurangan pelajar-pelajar kita dalam mengambil mata pelajaran sains atau matematik akan menyebabkan setengah daripada fakulti di universiti akan ditutup. Jadi, apa yang kita rancangkan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah supaya 20% yang ada sekarang ini, pelajar-pelajar kita yang mengambil aliran sains dan juga matematik akan cuba kita mempertingkatkan sebanyak 60%, dengan cara ini sahajalah kita rasakan dapat kita menuju ke arah Wawasan 2020.

Untuk penempatan guru-guru yang terlatih di luar bandar, Kementerian Pendidikan sentiasa menentukan pendapatan guru-guru terlatih di sekolah yang betul memerlukan perkhidmatannya, terutamanya di luar bandar. Untuk sekolah menengah seramai 4,282 orang guru terlatih telah dihantar ke sekolah-sekolah seluruh negara terutamanya di luar bandar. Seramai 7,589 orang guru ditempatkan mengajar di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Negeri Sarawak menerima 519 orang guru sekolah menengah dan 979 orang untuk sekolah rendah. Manakala Sabah pula mendapat 393 orang guru sekolah

menengah dan 788 orang guru sekolah rendah. Kebanyakan guru tersebut dihantar keluar bandar di mana perkhidmatan mereka sangat diperlukan.

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno juga telah menyatakan mengenai pengambilan tindakan serius ke atas guru yang menghentam kerajaan atau memfitnah. Kementerian Pendidikan memandang berat sekiranya ada guru-guru yang bertindak menghentam kerajaan atau membuat fitnah semasa mereka bertugas di sekolah, tindakan tatatertib akan diambil terhadap mereka yang terlibat sekiranya terdapat bukti-bukti yang nyata. Jadi, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno dapat mengemukakan alasan-asalan dan kenyataan-kenyataan supaya tindakan seterusnya akan diambil.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah membangkitkan isu mengenai syarat penubuhan New Era College dan kemampuan bertutur dalam Bahasa Melayu di TV dan sebagainya. Permohonan New Era College memang dalam pertimbangan Kementerian Pendidikan, perundingan dengan pihak penaja akan dijalankan oleh Kementerian Pendidikan untuk menentukan supaya ia tidak bertentangan dengan dasar-dasar kerajaan yang sedang berkuatkuasa sekarang. Jadi, kalau misalnya sekolah-sekolah IPTS melanggar dasar-dasar kerajaan, kita tidak akan membenarkan sekolah itu diadakan.

Berusaha meningkatkan taat setia rakyat kepada negara juga telah dibangkitkan. Usaha ini memang ditetapkan melalui kurikulum KBSR dan KBSM dan institut pendidikan tinggi supaya menentukan semua pelajar faham mengenai sejarah perkembangan tanah air serta peranan yang harus mereka mainkan ke arah menumpukan sifat taat setia kepada negara.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi juga telah membangkitkan tambahan elaun untuk guru-guru di kawasan pedalaman. Bayaran elaun

insentif pedalaman akan dibayar oleh Kementerian Pendidikan kepada guru-guru yang layak menerima terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, kadarnya adalah 10% daripada gaji pokok guru-guru yang berkenaan.

Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba juga telah membangkitkan mengenai jurang celik komputer antara luar bandar dan bandar. Kementerian Pendidikan bercadang untuk membekalkan komputer kepada semua sekolah secara berperingkat-peringkat berasaskan kepada kemampuan kerajaan. Dalam hal ini kementerian pendidikan dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad sedang berusaha untuk menentukan supaya semua sekolah mendapat bekalan elektrik dalam jangka masa yang ditetapkan. Jadi, apa sahaja projek-projek kerajaan yang kita buat, kita tidak boleh lari daripada dasar kerajaan iaitu Al'adlu walihsan - adil dan belas kasihan. Oleh itu, di sinilah kita akan mengharapkan bahawa sekolah-sekolah di luar bandar akan juga mendapat manfaat daripada komputer ini.

Yang Berhormat Tuan Ding Seling juga telah memaparkan masalah mendapatkan kad pengenalan oleh rakyat di kawasan pedalaman di Sarawak. Pada keseluruhannya sebagai dasar yang telah diperkatakan bahawa kita akan mengakhiri pembaharuan kad pengenalan ini hingga bulan Disember. Walau bagaimanapun kalau penuntut-penuntut yang di luar negeri balik ke negara kita, mereka boleh diberi sebulan grace period, dengan izin, supaya mereka dapat menukarkannya. Kepada mereka yang telah menukarkan dalam bulan Disember ini, kita beri pula time frame grace period, dengan izin, 3 bulan untuk mereka menggunakan kad pengenalan lama selepas itu mereka bolehlah mendapatkan kad pengenalan baru.

Bagi masalah spesifik yang diperkatakan oleh Tuan Ding Seling mengenai kawasan pedalaman, kerajaan peka terhadap perkara ini dan masalah mendapatkan kad pengenalan oleh rakyat di kawasan pedalaman di Sabah dan juga di Sarawak. Jadi,



Jabatan Pendaftaran Negara di Sarawak telah melancarkan program lawatan khas iaitu Pasukan Pendaftaran Bergerak di kawasan pedalaman. Sehingga kini program lawatan khas ini telah melawat 172 kawasan pedalaman jarak jauh dan 132 kawasan pinggir bandar jarak dekat di Sarawak, proses ini akan diteruskan. Walau bagaimanapun memandangkan negeri Sarawak adalah luas, maka sukar bagi Jabatan Pendaftaran meliputi semua kawasan dalam jangka masa yang singkat. Di sini kita berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ketua-ketua masyarakat akan dapat mengumpulkan mereka ini supaya dapat perkhidmatan diberi dengan secara teratur.

Yang Berhormat Tuan Ding Seling juga telah membangkitkan masalah Kementerian Kesihatan mengenai kanak-kanak yang nampaknya sihat, buncit perutnya tetapi mereka itu penuh dengan cacing dan tidak sihat dari segi pemakanan. Kementerian Kesihatan sedang dan sudahpun merangka pelan tindakan pemakanan kebangsaan bagi menangani masalah ini terutamanya makanan yang kurang seimbang dan juga Yang Berhormat Tuan Ding Seling telah mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang telah memberikan perkhidmatan flying doctors dan diharapkan perkara ini akan diteruskan.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali telah menyatakan mengenai banyak kes yang telah disemak dan akhirnya tidak dapat dijalankan. Ingin saya menyatakan di sini bahawa Peguam Negara diberi kuasa di bawah Perlembagaan untuk menjalankan apa-apa pendakwaan. Jadi, pendakwaan hanya boleh dimulakan dalam setiap kes sekiranya terdapat bukti-bukti yang mencukupi dan kukuh. Saya setuju dengan kata Datuk hari itu, kalau misalnya perkara ini setengah jalan tetapi banyak bukti tidak dapat dipaparkan, maka kes itu akan jatuh begitu sahaja. Ini akan merugikan masa.

Bagi pindaan Undang-undang Rasuah, BPR telah mengemukakan draf pindaan Undang-undang Rasuah. Ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamelia. BPR telah mengemukakan draf pindaan Undang-undang Rasuah kepada Jabatan Peguam Negara pada awal tahun 1996 dan telah membentangkan draf pindaan tersebut kepada Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai pengurusan kerajaan pada 28hb. November 1996.

Cadangan pindaan yang telah dikemukakan itu antara lain bertujuan untuk menyatukan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Ibrahim hari itu, tiga Undang-undang Rasuah iaitu Akta Pencegah Rasuah 1961, Akta Badan Pencegah Rasuah 1962 dan Ordinan 22 Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1970 di bawah satu akta. Jadi, dengan adanya pengemasan ini dan peruntukan kuasa-kuasa tambahan juga akan dimasukkan oleh BPR. Memasukkan peruntukan-peruntukan baru yang bersesuaian dengan keadaan semasa dan juga meminda peruntukan-peruntukan

yang tidak lagi sesuai terutama sekali dari segi hukuman, agar hukuman lebih setimpal dikenakan sesuai dengan jenayah yang dilakukan.

Senator Datuk Haji Ibrahim juga telah mengatakan mengenai keanggotaan pegawai BPR di ibu pejabat dan negeri-negeri. Keanggotaan BPR pada masa ini adalah seramai 864 pegawai daripada 990 perjawatan yang diluluskan. Ini melibatkan 518 Pegawai Perkhidmatan BPR daripada 606 jawatan yang diluluskan dan 346 orang lagi daripada perkhidmatan sokongan daripada 384 perjawatan yang diluluskan. Pecahan perjawatan bagi pegawai BPR di ibu pejabat ialah seramai 177 orang dan di negeri-negeri termasuk Wilayah Persekutuan adalah seramai 341 orang. Untuk memenuhi keperluan semasa, pihak BPR sedang menyediakan cadangan untuk menambah peringkat keanggotaan BPR yang ada sekarang ini dan juga sedang merangka 'blueprint' latihan yang bersesuaian untuk pegawai dan kakitangannya.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi juga telah menyarankan BPR diletakkan di bawah satu suruhanjaya bagi mengelakkan kongkongan. Setakat ini BPR telah dapat berkongsi dengan baik di bawah Jabatan Perdana Menteri dan tidak perlu diletakkan.....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya ingin mendapat maklumat daripada Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat memaklumkan kalau ada dengan Yang Berhormat mengenai dengan kandungan cadangan pindaan secara yang lebih terperinci ataupun apa-apa maklumatlah. Selain dari itu, apakah kerajaan bercadang untuk mengenakan hukuman mandatori kepada mereka yang didapati melakukan kesalahan dari segi rasuah? Sebab hukuman hari ini nampaknya begitu ringan dan tidak boleh menjadi pengajaran kepada masyarakat. Jadi, adakah kerajaan akan mempertimbangkan hukuman mandatori kepada mereka yang melakukan rasuah?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya lupa hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk kerana telah dipilih ke dalam MT. Mengenai kandungan draf pindaan Undang-undang Rasuah ini, saya rasakan oleh kerana pada masa ini masih lagi di peringkat AG, jadi kita belum dapat lagi dalam bekal saya dan juga mengenai hukuman-hukuman itu. Jadi, nanti kalau sudah siap dan apabila dibentangkan di Dewan Rakyat nanti, saya akan cuba dapatkan untuk diberikan kepada Yang Berhormat. Insya-Allah.

Setakat ini BPR telah dapat berfungsi dengan baik di bawah Jabatan Perdana Menteri dan tidak perlu diletakkan di bawah satu suruhanjaya kerana BPR....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, bilakah jangka waktu akta berkenaan dengan rasuah ini dapat disiapkan oleh pihak Peguam Negara?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Oleh kerana perkara ini masih lagi di bawah AG (Attorney General) jadi, Tuan Yang di-Pertua saya tidak dapat menentukan tarikh yang tetap. Walau bagaimanapun, kita akan tengok dan saya akan sampaikan concern Yang Berhormat mengenai akta ini dan BPR, setakat ini berfungsi dengan baik di bawah Jabatan Perdana Menteri dan tidak perlu diletakkan di bawah suruhanjaya kerana BPR adalah sebuah badan yang bebas untuk menjalankan siasatan kepada sesiapa sahaja. Jadi saya rasakan, tidak perlulah BPR ini diletakkan di bawah suruhanjaya.

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin telah pun membangkitkan masalah bangunan polis yang terbiar di Keningau dan minta dibaiki dan cadangkannya dijadikan tempat latihan. Oleh kerana perkara yang dibangkitkan itu perkara yang terlalu spesifik, KDN akan memberi perhatian mengenai perkara tersebut. Jadi, kebanyakannya yang kita lihat bahawa apa-apa sahaja bangunan-bangunan kosong yang boleh digunakan, kita akan cuba memanfaatkannya.

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin juga telah pun meminta dan memberikan aduan terhadap kakitangan JPN yang kurang cekap dan masalah kelewatan menyiapkan kad pengenalan dan sebagainya. Ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamilia mengenai ketelitian dan sebagainya. Pada keseluruhannya, apa yang kita dapati bahawa satu kajian telah dibuat oleh satu badan dunia dan mendapati bahawa kerajaan kita merupakan tempat yang keempat dari segi government, dari segi ketelusan, dari segi sistem dan sebagainya. Sekarang juga kerajaan telah pun beberapa tahun kebelakangan ini, menganjurkan bulan kualiti, Total Quality Management (TQM) dan juga beberapa kursus kepada pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan memastikan bahawa semua circular di bawah TQM itu dijalankan.

Walaupun, mengenai masalah spesifik yang dibangkitkan untuk kakitangan JPN ini, saya mengucapkan terima kasih kepada teguran Yang Berhormat. Saya akan cuba meminta kementerian berkenaan khasnya Jabatan Pendaftaran Negara akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memperbaiki keadaan-keadaan yang dinyatakan. Sekiranya Yang Berhormat ada maklumat khusus, saya akan membawa perkara ini kepada jabatan yang berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin telah juga membangkitkan masalah ramai penduduk lari daripada membayar cukai. Kementerian melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat dan juga individu-individu yang telah atau cuba mengelak daripada membayar cukai pendapatan ini. Mereka yang didapati bersalah akan diarah untuk membayar cukai berserta dengan penalti mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967. Dari tahun 1991 hingga tahun 1995 sebanyak 2,204 pembayar cukai, syarikat-syarikat dan individu-individu yang mengelak dari membayar cukai pendapatan telah dikenakan tindakan dan siasatan. Lembaga Hasil Dalam Negeri telah berjaya mendapatkan kembali kira-kira RM1.248 bilion daripada hasil cukai pendapatan dan penalti.

Jadi, apa yang kita lakukan sekarang ini jika seseorang itu hendak lari keluar kepada expatriate ataupun orang-orang tempatan, kita akan cuba sekat dia di lapangan terbang dan kita akan memberitahu pihak Imigresen supaya mereka tidak dilepaskan. Jadi, kalau misalnya mereka ke luar negara dan katakan tinggal di Australia, teringat juga hendak makan kue-tiau misalnya, dia balik ke mari, kita akan tangkap dia. Jadi, saya ingat Yang Berhormat kita akan cuba mengambil tindakan sewajarnya.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau boleh mengenai dengan mereka yang dalam peraturan sekarang ini, ada pihak yang terpaksa membayar cukai apabila taksiran dibuat oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri, di mana apabila taksiran dibuat memang tidak tepat. Maknanya, mereka mesti bayar dulu cukai mengikut kuota yang ada, kemudian kalau mereka didapati tidak perlu membayar cukai, maka wang tersebut akan dipulangkan balik. Masalahnya, apakah Yang Berhormat sedar timbul masalah di kalangan ramai individu ataupun syarikat-syarikat terutamanya kalau mereka yang tidak mampu membayar dan mereka tidak patut membayar? Tinggal lagi taksiran telah dibuat dan mereka mesti membayar. Apakah kerajaan bercadang untuk meminda peruntukan ini supaya mereka yang patut bayar, kena bayarlah. Tinggal lagi yang tidak patut kena bayar tetapi taksiran dibuat secara melebihi dan mereka tidak mampu bayar, di mana mereka hendak cari duit hendak bayar? Sehingga mungkin mereka terpaksa menghadapi pelbagai tindakan mahkamah dan seumpamanya. Sekian, terima kasih.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Pengerusi, taksiran dibuat berdasarkan kepada borang yang dihantar. Jadi, sekiranya borang dihantar kepada lembaga dan lembaga akan buat taksiran. Apa yang kita lakukan sekarang, oleh kerana Yang Berhormat membangkitkan perkara ini, kita sekarang ini sedang melakukan banyak tempat, di mana kita akan memanggil client dan berbincang bersama-sama. Daripada situ dapat kita menengok sama ada mereka baik perlu membayar atau tidak. Jika sekiranya selepas itu mereka terlebih bayar, kita akan memulangkan bayaran itu. Ini telah pun dijanjikan dahulu oleh kementerian bahawa dalam masa tiga bulan kita cuba membayar balik. Seorang individu itu kadang-kadang mengatakan tidak payah dan cuba potong pula pada tahun hadapan.

Cuma di Sabah dan Sarawak sahaja apa yang berlaku sekarang kita membuat potongan concurrent. Maknanya, tahun ini punya pendapatan tahun ini juga bayar. Tetapi di Semenanjung, apa yang berlaku ialah tahun ini kita bayar untuk tahun lepas punya pendapatan. Jadi, di sini ada perbezaannya, oleh kerana perbezaan ini kita dapati bahawa taksiran tadi yang dibayar oleh orang-orang di Semenanjung merupakan cukai tahun lepas yang dibayar tahun ini. Tidak seperti di Sabah dan Sarawak. Jadi, kita akan berharap kepada lembaga ini setelah dilembagakan, dan kita berharap bahawa negotiation ataupun bertemu dengan client ini akan dapat diadakan dengan lebih kerap lagi.

Yang Berhormat Tuan Marimuthu telah menyatakan masalah banduan jenayah serius ditempatkan dengan banduan kecil dalam lokap yang sama. Beliau cadangkan tambah atau perbesarkan lokap-lokap polis untuk memuatkan banduan ini. Adalah sukar untuk mengasingkan banduan berasaskan kesalahan mereka kerana masalah muatan penjara setempat. Jadi, mereka ditempatkan di penjara berdasarkan keputusan mahkamah. Manakala tahanan reman akan ditempatkan sesama tahanan reman yang lain sehinggalah mereka terbukti bersalah oleh mahkamah. Jadi, lokap-lokap polis ini adalah diwartakan dan pembesaran lokap banyak bergantung kepada pembangunan atau ubahsuai balai polis berkaitan. Saya akan cuba mengajukan balik kepada jabatan ini supaya pandangan daripada Yang Berhormat akan dapat diambil tindakan.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali, masalah yang ditimbulkan tentang kemasukan pendatang asing. Ini paling banyak diperkatakan oleh Yang Berhormat yang lain. Saya telah pun menyatakan perkara ini perkara yang sama di Dewan Rakyat dahulu bahawa apa yang kita akan lakukan sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada bulan Oktober yang lalu, memutuskan hukuman berat terhadap pihak yang membawa masuk pendatang tanpa izin ke negara ini bagi mengekang kebanjiran mereka di negara ini.

Jadi, oleh kerana itu apa yang kita buat sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, supply and demand, dengan izin, bahawa kita cuba hendak pertingkatkan supply kita dan kita juga cuba untuk memilih investment atau pelabur-pelabur yang datang ke negara kita yang berintensifkan modal, bukan berintensifkan tenaga buruh. Jadi, dengan cara ini kita dapat mengimbangi di antara supply and demand ini. Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 1996 akan kita bentangkan nanti di Dewan Rakyat. Ini akan menyentuh perkara 55A(i) Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 1996 yang dibentangkan untuk bacaan kali pertama nanti supaya badan-badan korporat misalnya akan didenda di antara RM30,000 hingga RM50,000 dan penjara sehingga 5 tahun dan sebatan 6 kali. Ini yang dikatakan tadi mandatori. Jika individu dalam badan korporat melakukan kesalahan itu, memegang jawatan seperti ahli lembaga pengarah misalnya, pengurus atau setiausaha atau sebarang jawatan yang menyamai kedudukan pengurus, juga mereka boleh dikenakan denda antara RM30,000 hingga RM100,000.

Jadi, Yang Berhormat, perkara ini akan kita bentangkan di Dewan Rakyat, Parlimen. Pandangan Ahli Yang Berhormat itu telah pun diambil kira. Cuma masalah yang dihadapi sekarang ini ialah apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Puan Kamelia mengenai imbalan perangkaan yang ada. Setahu saya, sepanjang ingatan saya bahawa Jabatan Perangkaan tidak memberi fakta yang salah.

Apa yang telah dibangkitkan oleh kementerian-kementerian lain dan jabatan-jabatan lain, iaitu mengenai pockets atau pun lubang-lubuk, di mana perempuan lebih ramai daripada lelaki. Pada keseluruhannya lelaki kalau tidak salah saya 50.1% atau 50.2%, dan perempuan 49%. Tetapi apa yang dibangkitkan oleh jabatan-jabatan yang lain ialah mengenai pockets, umpamanya Kuala Lumpur dan di Lembah Kelang ini di mana banyaknya kilang-kilang

yang menggunakan guna tenaga wanita, maka terdapatlah wanita lebih ramai daripada lelaki. Jadi, semasa saya menjadi pengarah Jabatan Agama Islam dahulu, perkara ini banyak kita bincangkan. Kadang-kadang kalau pukul 3 pagi saya lalu, saya tengok banyak kereta, saya tidak hendak memandang lesen-lesen kereta, takut kenal pula nanti.

Perkara ini sedang diambil tindakan oleh kerajaan-kerajaan negeri dan juga oleh Kementerian Sumber Manusia supaya meminta pegawai-pegawai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Rahim Baba mengenai rumah dan sebagainya. Jadi, apa yang dilakukan sekarang ialah Kementerian Sumber Manusia sedang meneliti dan selalu membuat lawatan supaya mereka yang datang secara sah diberikan perlindungan sepertimana di bawah Akta Buruh 1950. Kepada mereka yang tidak sah, ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hassan kepada pegawai-pegawai yang tidak sah atau pun pekerja-pekerja yang tidak sah, pekerja-pekerja haram - ini orang Indonesia marah kalau dikatakan 'pekerja haram'. Dia kata 'pekerja tanpa izin', kerana perkataan 'haram' itu konotasinya sungguh berat. Jadi, mereka ini tidak terlindung di bawah akta kita. Jadi, oleh kerana itulah, kebanyakannya apa yang diperkatakan 'dieksport' dan sebagainya, oleh kerana mereka juga takut tampil ke hadapan kerana mereka ialah pekerja-pekerja tanpa izin.

Jadi, dengan adanya undang-undang baru nanti, undang-undang Imigresen yang baru, pindaan ini kita akan dapat menyelaraskan balik, dan dengan adanya perkara-perkara lain seperti kita akan mempertingkatkan latihan-latihan dari segi teknologi dan sebagainya, kita berharap bahawa kemasukan pekerja-pekerja asing sekarang ini yang kita benarkan cuma profesional sahaja dan makes, tetapi pekerja-pekerja asing lain tidak dibenarkan lagi. Jadi, insya-Allah kita dapat menyelesaikan masalah ini secara beransur-ansur.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan juga telah membangkitkan mengenai mewujudkan asrama pelajar di kawasan pedalaman. Kementerian Pendidikan akan menyediakan kemudahan pendidikan termasuk kemudahan asrama di kawasan pedalaman dan lebih ramai guru terlatih dan guru-guru yang berkaliber akan ditempatkan di luar bandar.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Ali juga telah membangkitkan masalah kita membelanjakan wang perkhidmatan juruperunding tentang FA 18D. Jadi, Yang Berhormat, saya ada bawa di sini model FA 18 ini [*sambil menunjukkan model FA 18D kepada Dewan*] dan model FA 18 ini akan kita beli, insya-Allah, 8 buah dan model ini saya rasakan bagus kerana FA 18 ini mempunyai 'striking power', dengan izin, kerana mempunyai 'multi mode radar' ANAPG 65 yang sungguh canggih. Jadi, saya akan beri kepada Yang Berhormat untuk menengoknya, di kepaknya ada missile dan di bawahnya pun ada missile. Jadi, 'air to air missile' ada dan 'air to ground missile' pun ada dan dia boleh beroperasi dalam keadaan siang dan malam serta boleh juga berfungsi dalam apa jua keadaan cuaca. Jadi, kita berharap dengan adanya FA 18 ini dapat kita memperkuatkan lagi pertahanan kita.

Jadi, apa yang berlaku sekarang ini, Yang Berhormat, bahawa perolehan pesawat FA 18D ini sebanyak 8 buah oleh Kerajaan Malaysia ini dari Tentera Laut Amerika Syarikat dan dibuat secara 'foreign military sale' di mana

kos pembelian dalam perjanjian kontrak adalah cuma satu estimate sahaja. Jadi, pihak kerajaan Amerika Syarikat menggabungkan perolehan TUDM tersebut dengan perolehan dari negara Finland, Switzerland dan negara-negara yang lain. Jadi, pihak kerajaan Amerika Syarikat kemudiannya akan mengadakan rundingan dengan vendor-vendor. Jadi, apa yang berlaku di sini ialah kalau kita buat 'G to G' tetapi ia akan pergi juga kepada navy dan navy ini pula ada vendornya sebanyak 100 vendor. Jadi, kita tidak tahu yang mana satu vendor yang boleh memberi kita yang terbaik.

Jadi, oleh kerana itu kita telah pun melantik pihak R.M. Vendervelt memberi khidmat kepada kerajaan Malaysia.....

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan. Soalan saya ialah sama ada kajian yang teliti telah dibuat kerana kita tahu banyak masalah yang timbul dalam pembelian kapal terbang dan helikopter dahulu. Adakah konsultan yang sama?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Konsultan yang kita lantik untuk membeli FA 18D ini, oleh kerana kita ada 100 orang vendor yang cuba memberikan perkhidmatan mereka, jadi kita terpaksa melantik konsultan, yang ini pun sepertimana Yang Berhormat Puan Kamilia katakan tadi, kita telah membuat kajian yang konsultan ini yang paling baik dan terbukti kebaikannya dari segi keuntungannya apabila khidmat nasihat teknikal ini membantu TUDM mengenal pasti kelengkapan-kelengkapan dan peralatan-peralatan sampingan ataupun dokongan. Jadi, oleh kerana itu, dengan rundingan itu kita telah pun untung sebanyak US\$20 juta kerana harga kapal terbang ini telah pun dapat dikurangkan dengan adanya kita membeli melalui konsultan ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyebut kerajaan untung hampir US\$20 juta setelah kita gunakan konsultan. Adakah ini bermakna harga yang diberi pada awalnya melalui siapa dan bagaimana keuntungan itu dapat dikira?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Jadi, nilai keseluruhan kontrak perolehan FA 18D ini yang ditandatangani dengan pihak U.S. Navy itu telah dikurangkan sebanyak US\$20 juta, iaitu daripada US\$663 juta kepada US\$643 juta. Ini bermakna penjimatan kita sebanyak kira-kira US\$20 juta telah diperolehi oleh Kerajaan Malaysia. Jadi, penjimatan tersebut digunakan bagi menampung sebahagian daripada keperluan-keperluan sistem persenjataan yang diperlukan oleh pihak TUDM untuk senjata-senjata yang lain.

Lanjutan daripada rundingan ini yang telah diadakan, pihak U.S. Navy bersetuju untuk meminda jadual pembayaran agar ianya selaras dengan tahap keperluan peruntukan kita. Jadi, oleh kerana terlampau banyak sangat vendor, kita pun meminta konsultan ini dan didapati konsultan ini telah membantu kita dan dapat mengurangkan jumlah wang yang patut kita bayar.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi telah pun menyatakan mengenai keuzuran balai bomba di negeri-negeri, di negeri Perak terutamanya. Beliau mengatakan balai bomba di tempatnya pun teruk, jadi kemungkinan agaknya menteri yang berkenaan telah pun mengambil satu falsafah bahawa dia menolong orang dahulu. Bila sudah habis dia tolong orang, baru dia tolong negeri dia. Seperti juga kapten kapal dalam kapal, apabila kapal tenggelam, dia suruh anak kapalnya pergi dahulu dan dia 'last' sekali.

Tetapi walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 5 buah balai bomba baru akan dibina; di Kamunting RM3 juta, di Gopeng - ini dia - RM3 juta, Seri Iskandar RM3 juta, Simpang Pulai RM3 juta dan Jelapang RM3 juta. Jadi, kesemuanya RM15 juta akan diperuntukkan di seluruh negeri Perak.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal ialah mengenai Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Ini satu peristiwa yang telah dibangkitkan di mana piawaian dan garis panduan perancangan serta perlu membuat lawatan tapak bagi meluluskan sesuatu pelan teratur. Jadi, keadaan ini telah pun berlaku kerana pembinaan dan kelulusan kolam takungan najis tersebut dibuat terlebih dahulu dari pembinaan masjid berkenaan. Ini maklumat yang telah diberikan kepada saya. Tetapi walau bagaimanapun, pihak jabatan akan mengambil maklum mengenai teguran yang diutarakan.

Banyak perkara ini berlaku, bukan sahaja di Perak tetapi juga di Port Klang dan sebagainya. Apa yang kita harapkan, pertamanya local government akan cuba meneliti pelan-pelan tapak, tetapi saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Mustaffa bahawa pegawai-pegawai kerajaan patutlah pergi ke bawah, jangan meluluskan satu pelan di dalam bilik hawa dingin sahaja dan pandangan Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa juga telah pun membangkitkan masalah kesesakan di penjara, termasuk timbulnya gejala buruk di kalangan banduan mengikut umat Nabi Lut dan sebagainya. Beliau mencadangkan tambahan penjara bagi mengelakkan kesesakan penjara. Jadi, kerajaan memandang berat terhadap kesesakan di penjara dan pihak Jabatan Penjara akan berusaha menempatkan banduan di penjara-penjara yang terlalu sesak dipindahkan ke penjara yang boleh menampung kelebihan tersebut. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, di Selangor sahaja Penjara Pudu akan ditutup dan telah pun ditutup dan ditempatkan di Penjara Sungai Buloh dan ini merupakan penjara yang termoden sekali di Malaysia. Kita berharap juga supaya penjara ini sebagai model di tempat-tempat yang lain, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba telah pun membangkitkan mengenai Multimedia Development Corporation. Kementerian Kewangan melalui Multimedia Development Corporation terlibat secara tidak langsung dalam membangunkan Multimedia Super Corridor (MSC) di peringkat penyelarasan dan, dengan izin, 'high level action' serta melalui aktiviti yang dilaksanakan di bawah Kementerian Kewangan. Jadi, Multimedia Development Corporation ini ditubuhkan di bawah pegangan Menteri Kewangan (diperbadankan) untuk menerajui ataupun mempromosi dan menjayakan rancangan dan sasaran MSC. Sebagai pemilik dan, dengan izin, 'initial financial'



kepada MSC, Kementerian Kewangan mengenal pasti dan menyokong penuh tanggungjawab, kehendak, keperluan dan status, khasnya MSC di samping merancang pelbagai insentif, termasuk insentif kewangan untuk menarik syarikat-syarikat multinasional dalam bidang teknologi maklumat dan multimedia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek MSC pada masa ini berjalan dengan lancar dan setakat ini tidak mengalami sebarang masalah. Jadi, untuk Ahli-ahli Yang Berhormat adalah menjadi hasrat kerajaan supaya faedah dan manfaat MSC ini boleh dinikmati di seluruh negara. Orang ramai digalakkan melengkapkan diri bagi membolehkan mereka mengambil bahagian dalam peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang diwujudkan dengan lebih berkesan lagi. Walau bagaimanapun, concern Yang Berhormat tentang kanak-kanak sekolah di luar bandar, komputer dan sebagainya, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Datuk Abdul Rahim bin Baba juga telah pun menyatakan perkhidmatan infoline Lembaga Hasil Dalam Negeri dikenakan bayaran sebanyak 13 sen setiap 10 saat yang dianggap tinggi dan membebankan. Jadi, perkhidmatan infoline Lembaga Hasil dalam Negeri ini adalah bagi kemudahan kepada orang ramai terutamanya pembayar cukai mendapatkan maklumat lebih cepat dan segera. Oleh itu, sebarang kemudahan yang disediakan perlulah dikenakan bayaran. Ini sudah lembaga ni, Yang Berhormat. Jadi, kadar bayaran sebanyak 13 sen setiap 10 saat ini adalah ditetapkan sendiri oleh Telekom Malaysia Berhad, cuma Lembaga Hasil Dalam Negeri perlu membayar perkhidmatan tersebut kepada Telekom Malaysia Sdn. Bhd. kemudiannya.

Mengenai masalah persiapan atau pengkajian terhadap keperluan pekerja asing, pasukan petugas asing dan sebagainya. Pasukan Petugas Pekerja Asing telah ditubuhkan bagi menguruskan kebanjiran pekerja asing yang telah pun saya katakan tadi, terutamanya kebanjiran yang tanpa izin supaya kemasukan mereka dikawal. Sebagai pasukan petugas yang baru ditubuhkan, tidak dinafikan bahawa banyak ruang yang boleh dilakukan.

Jadi, saya ingat dahulu semasa saya menjadi Pengarah di Bahagian Perancangan Dasar di Kementerian Sumber Manusia, kita telah pun membuat beberapa kajian mengenai pengambilan pekerja-pekerja yang kita hendak tentukan tiap-tiap tahun. Penawaran pekerja-pekerja guna tenaga yang boleh dikeluarkan oleh universiti dan juga sekolah-sekolah menengah kita dan institusi pengajian tinggi dan juga kita melihat bagaimana penawaran dan supply and demand ini dapat kita selaraskan. Jadi, kajian itu telah juga dibentangkan dalam jawatankuasa kabinet mengenai kemasukan pekerja asing. Untuk cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Rahim Baba tentang kajian yang berterusan, ini saya bersetuju dan kita akan mengambil perhatian tentang perkara ini.

Saya teringat mengenai satu pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail dari Perlis mengenai tanah rizab Melayu. Tanah rizab Melayu ini telah pun dibuat di masa penjajah dahulu untuk menjaga supaya tanah-tanah tidak dijual ataupun dibeli oleh orang asing pada masa itu. Jadi, oleh kerana itu, tanah rizab Melayu telah dihaskan dan sekarang ini di bawah Perlembagaan juga, sekiranya kerajaan negeri mengambil tanah rizab Melayu untuk membuat bangunan atau projek-projek awam, dalam Perlembagaan mengatakan bahawa

tanah itu patut diganti. Cuma dari segi harga sepertimana yang terdapat di Kuala Lumpur misalnya, apa yang dilakukan ialah supaya tanah rizab Melayu ini diketepikan sebentar dan harga pasaran itu digunakan. Tetapi, oleh kerana harga pasaran itu dan permintaan-permintaan daripada warga-warga Kampung Bharu itu terlampau tinggi, melebihi harga pasaran, jadi permasalahan ini timbul.

Walau bagaimanapun, apa yang kita lakukan di bawah Perlembagaan, bahawa tanah rizab Melayu ini tidak boleh dijual kepada orang bukan Melayu. Apa yang berlaku selalunya di kampung, kadang-kadang orang bukan Melayu membuat set agreement dengan orang Melayu untuk membeli tanah itu atau untuk menggunakan tanah itu tetapi saya merasakan set agreement itu kalau dihadapkan ke mahkamah tidak akan dapat dipegang kerana itu di luar daripada apa yang telah dilakukan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon laluan untuk mendapat penjelasan selanjutnya berkenaan dengan kedudukan tanah rizab Melayu. Saya tidak mempertikaikan tentang kedudukan tanah rizab Melayu yang mesti diganti. Apa yang saya sebutkan, mengapa tanah rizab Melayu, status rezab tidak boleh dibangunkan dan kalau dibangunkan, pembangunan itu masih lagi duduk di atas tanah rizab Melayu dan nilainya, kalau dari segi undang-undang ini tidak boleh menjadikan nilai pasaran yang tinggi, apakah kerajaan tidak boleh mencari satu jalan keluar untuk nilai itu boleh tinggi ataupun dengan cara kerajaan top-up dengan cara lain untuk memberikan padahal kedudukan tanah itu hampir sama, misalannya tanah di Kampung Bharu itu sendiri. Tanah yang berhampiran nilainya sekian, tanah itu tidak boleh mengikut nilai pasaran kerana statusnya rizab Melayu. Jadi, soalnya mengapa tidak boleh dibangunkan dengan status tanah rizab Melayu tetapi pembangunan masih boleh dibuat?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Pengerusi, sepertimana yang saya tekankan tadi, saya telah pun meminta penjelasan daripada pegawai di Jabatan Penilai mengenai perkara ini dan beliau menyatakan bahawa dalam menilai harga tanah itu, tanah rizab Melayu itu boleh diketepikan dan pelan itu boleh dibuat. Cuma, masalah apa yang kita dapati sekarang ini daripada segi market forces, dengan izin, iaitu masalah psikologi sahaja. Jadi, oleh kerana tanah itu kalau tanah biasa, kalau orang kampung dia kata geran putih, jadi tanah rizab Melayu ini geran merah.

Apa yang berlaku geran putih ini maknanya boleh dijual dan permintaan boleh dibuat oleh sesiapa sahaja tetapi tanah geran merah ini, oleh kerana dia sendiri market dia terhad kepada orang Melayu sahaja. Jadi, dengan itu secara psikologinya harganya rendah. Psikologinya, tetapi daripada segi pasaran kita juga melihat daripada segi psikologi. Jadi, di sinilah kita mendapati bahawa kalau geran putih, oleh kerana permintaan boleh dibuat dengan lebih besar lagi kuasa pasaran itu, jadi competitiveness iaitu persaingan harga itu dapat dibuat tetapi kalau misalnya kita hendak menjual harga tanah Melayu tetapi hanya boleh dijual kepada orang Melayu sahaja, jadi compartmentalization, dengan izin telah pun tersedia dari segi market forces di situ dan...

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Saya minta laluan sekali lagi. Saya minta maaf. Maksud saya, kita ada banyak agensi kerajaan seperti UDA, Khazanah Holdings dan sebagainya. Kalau badan-badan ini boleh invest dalam syarikat yang hendak beli kepentingan di luar mengapa tidak dilaburkan untuk hendak majukan tanah rizab ini? Kuasa memegang itu masih atas nama badan-badan ini, di samping kepentingan orang-orang yang ada milik itu pun ada bersama. Saya tidak nampak mengapa dari segi persaingan itu hendak timbul? Perniagaan masih boleh dijalankan.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Daripada Yang Berhormat sedia menyatakan bahawa tanah rizab Melayu dan tanah di bawah kerajaan negeri tetapi kita ada kita punya Majlis Tanah Negara. Jadi, di sini kerajaan negeri boleh menggunakan kuasa-kuasanya di bawah Land Group Act di mana tanah-tanah rizab Melayu yang kita bangunkan misalnya membuat FELDA dan sebagainya, boleh juga dilupus dengan adanya sekarang ini di Nilai, Labu, Sungai Buaya, Selangor dan sebagainya.

Tetapi, apa yang kita harapkan, jika tanah-tanah FELDA ini dilupuskan dan kita hendakkan orang-orang FELDA itu sendiri dapat menikmati daripada hasil ini di mana kita telah tetapkan dalam perbincangan dan perancangan, 30% dana itu dapat dilaburkan. Kalau tidak nanti duit itu habis begitu sahaja hendaknya pula kalau misalnya korporat itu membahagikan duit itu kepada penghuni-penghuni FELDA ini secara runcit, RM1,000 sebulan dan sebagainya, tidak nampak ke mana. Tetapi, saya dengar cerita sekarang ini pun sudah ramai orang FELDA membuat rumah baru dan sebagainya dan banyak pelanggaran berlaku di rancangan FELDA kerana banyak kereta sekarang ini. Dan pandangan Ahli Yang Berhormat itu kita akan ambil ingatan dan kita akan cuba melihat bagaimana boleh diserasikan.

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran telah pun membangkitkan masalah Persidangan Wanita Sedunia Keempat di Beijing pada tahun 1995 dan persidangan itu juga telah dibuat di Malaysia mengenai Ahli-ahli Parlimen Wanita Islam dan Ahli Yang Berhormat telah pun menyatakan kesalnya kerana begitu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat wanita Islam tidak dapat didedahkan dengan apa yang telah berlaku.

Jadi, di sini kerajaan telah pun memberikan peluang kepada Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama berbincang dan banyak perkara telah dibincangkan. Oleh kerana terlampau banyaknya yang ada pada saya di sini, nanti saya beri salinannya kepada Yang Berhormat yang berkenaan supaya dapat kita edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Satu lagi ialah mengenai makmal yang telah pun disediakan oleh kerajaan. Kementerian Kesihatan mempunyai lapan buah Makmal Kawalan Mutu Makanan sekarang ini yang sedang beroperasi di seluruh negara dan satu di dalam pembinaan. Makmal ini amat penting bagi membantu menganalisis sampel makanan bagi Program Kawalan Mutu Makanan bagi memastikan makanan yang dijadualkan selamat untuk dimakan.

Jadi, skop perkhidmatan analisis di kalangan makmal adalah berbeza-beza. Walau bagaimanapun, bagi analisis kimia, keupayaan analisis adalah amat terhad, bergantung kepada peralatan yang terdapat di dalam makmal tersebut. Sehingga kini hanya 3 buah makmal sahaja yang boleh menjalankan analisis pencemaran residue racun perosak iaitu di Selangor, Pulau Pinang dan Sarawak. Walaupun begitu, makmal tidak berupaya menganalisis kesemua 100 jenis racun perosak ini dan peraturan-peraturan makanan di bawah 1985.

Bagi analisis residue dadah atau drugs, vetinar dan alfa toksik, hanya makmal Selangor sahaja boleh menjalankannya dan kita berharap dengan adanya pertambahan peruntukan yang diberikan, kita akan cuba supaya makmal-makmal ini dapat beroperasi dengan sepenuhnya.

Mengenai pelaksanaan waktu bekerja berperingkat-peringkat (flexi-time) tadi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu sekarang ini Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 30hb. Oktober yang lalu telah membuat keputusan supaya apa yang dikatakan Sistem Waktu Kerja Berperingkat (flexi-time) ini dilaksanakan secara projek perintis ataupun pilot projek di lima buah agensi peringkat persekutuan seperti berikut:-

- (i) Jabatan Imigresen;
- (ii) Jabatan Kastam dan Eksais Diraja;
- (iii) Jabatan Pendaftaran Negara;

- (iv) Jabatan Pengangkutan Jalan; dan
- (v) Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya teringat dahulu semasa saya menjadi Pengarah mengenai dasar Kementerian Sumber Manusia, kita telah mengesyorkan dasar ini. Apa yang kita adakan ialah supaya ada core time di antara pukul 8.00 hingga 4.30 petang biasanya. Tetapi oleh kerana wanita kita yang bekerja hendak menghantar anak, hendak mandikan anak, hendak menyediakan makanan dan sebagainya, dia boleh masuk lewat sedikit. Selepas dia masuk lewat sedikit, dia balik lambat sedikit. Jadi, suami pergi awal, dia boleh balik cepat sedikit. Jadi, oleh kerana itu, nanti bila dia sampai awal di rumah, bolehlah dia menyiapkan makanan, minuman dan sebagainya supaya bila isteri datang, teh sudah terhidang. *[Ketawa]*

Tetapi apa yang kita hendakkan dalam waktu ini ialah kita ada core time. Maknanya time yang semua orang ada. Jadi, di sinilah kita harapkan kalau ada core time dengan flexi-time ini. Flexi-time awal dan akhir. Core time, tengah-tengah. Dengan adanya core time ini nanti, semua orang boleh datang dan ada di tempat kerja itu dan boleh bermesyuarat. Tetapi kalau kita lihat apa yang kita hendak lakukan ini supaya dapat kita melihat bahawa ibu bapa yang bekerja dapat juga menjaga anak-anak mereka dan sebagainya.

Kita akan cuba melihat Jabatan Imigresen dahulu, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Rahim Baba tadi ialah supaya dapat disambung sebelah malam. Jadi, kita cuba melihat dahulu kepada projek ini. Kalau ia berjaya, kita akan sambung di sebelah malam kalau ada permintaan. Selalunya kalau di sebelah malam ini, kalau di peringkat daerah atau di peringkat negeri tidak adalah berlaku. Tetapi yang banyak mengeluh sekarang ini, seperti yang dikatakan

oleh Yang Berhormat ialah di Wilayah Persekutuan dan sebagainya. Kerana di sini pun ramai orang pergi membeli-belah atau pergi ke market dan sebagainya di sebelah malam, bukannya di sebelah siang. Jadi, kita akan cuba perhatikan pola ramainya orang waktu bila dan sebagainya dan dengan adanya projek perintis ini dapat kita memastikan sama ada kita hendak membuat di sebelah malam ataupun tidak, insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba telah membangkitkan masalah pengangkutan, bertambah banyak kematian dan sebagainya. Baru-baru ini kerajaan sedang memerhatikan masalah ini dengan penuh rapi dan kita minta kalau boleh nanti PLUS mengadakan 'gadget'nya yang banyak supaya kita dapat melihat bahawa kemalangan yang tidak semestinya berlaku tidak berlaku. Walau bagaimanapun, polis trafik kurang dan sekarang ini kita sedang membuat tambahan kepada bilangan polis trafik dan kita harapkan kerja-kerja pengambilan akan dijalankan.

Mengenai Kempen Alam Sekitar, sekarang ini Kempen Alam Sekitar telah pun dijalankan di peringkat negeri supaya anak-anak kita terutamanya dapat merasakan bahawa pentingnya alam sekitar ini dan ini sedang dijalankan dengan rapi.

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim telah mengatakan tentang ketelitian dan saya telah pun menyatakan tadi bahawa dari segi perangkaan, lelaki lebih ramai dari perempuan: tetapi pockets ada yang menunjukkan perempuan lebih ramai dari lelaki iaitu 14 perempuan; 1 lelaki di Lembah Kelang.

Walaupun bagaimanapun, perkara ini masih lagi menjadi perdebatan di peringkat yang berminat dan saya rasa dengan adanya perangkaan yang telah dibangkitkan dan dikemukakan oleh Jabatan Perangkaan, perkara ini dapat kita berhentikan perdebatan ini.

Tentang Jabatan Peguam Negara, saya telah menyatakan tadi, kelambatan Akta Rasuah ini tadi dan juga mengenai taksiran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya dapat menjawab

pertanyaan-pertanyaan yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana yang tidak sempat saya menjawab, saya akan cuba melihatnya supaya perkara-perkara ini dapat dilakukan di dalam mengimplementasikan lagi dasar-dasar yang kita adakan.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad untuk mempengerusikan Majlis.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PENYIARAN (PINDAAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.40 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Penyiaran

Pindaan 1996 dengan izin, Broadcasting Amendment Bil 1996 di baca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penyiaran 1988. Tujuan pindaan adalah bagi mengemaskinikan akta tersebut yang terhad skopnya supaya selari dengan perkembangan bidang penyiaran.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta Penyiaran 1988 dikuatkuasakan, banyak perubahan dan perkembangan teknologi telah berlaku dalam bidang penyiaran. Bermula dengan dua rangkaian televisyen terrestrial kerajaan pada tahun 1969, penduduk Malaysia sekarang telah diberi pilihan televisyen terrestrial swasta.

Pada 1hb. November, 1995, sistem TV berlangganan pula diperkenalkan melalui Mega TV. Dengan pelancaran satelit Malaysia yang pertama iaitu Measat I pada bulan Januari 1996, bidang penyiaran Malaysia memasuki era satelit.

Measat Broadcast Network System Sdn. Bhd. telah melancarkan ASTRO (Perkhidmatan Televisyen dan Radio Satelit) pada 25hb. September, 1996. Pelesenan perkakasan untuk Astro menyiarkan bahan-bahan penyiaran melalui satelit telah dikeluarkan oleh Jabatan Telekom Malaysia melalui Akta Telekomunikasi 1990.

Selain daripada satelit, TV litar satelit berbagai inovasi penyiaran yang lain akan dan boleh diperkenalkan kepada orang ramai. Pendeknya manfaat penyiaran satelit menjangkau hiburan dan maklumat, lebih penting lagi pendidikan dan peniagaan. Dengan pengurusan yang bijak teknologi satelit mampu memberi sumbangan yang besar dan berkesan dalam usaha kita mewujudkan masyarakat yang bermaklumat.

Akses kepada maklumat perlu untuk kemajuan kita, justeru itu kita perlu menyokong inovasi-inovasi ini. Namun begitu, kerajaan mempunyai tanggungjawab memastikan bahawa teknologi ini tidak disalahgunakan sehingga memudaratkan



kepentingan negara dari segi sosial, ekonomi dan politik. Maka satu pendekatan perlulah dicari untuk memenuhi tuntutan pembangunan di samping memenuhi tanggungjawab kerajaan bagi mengawal bahan-bahan siaran seberapa yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya perelaskan di sini rasional serta isu-isu utama Akta Penyiaran 1988 ini. Pertama, akta ini perlu dipinda supaya perkhidmatan penyiaran yang baru dilesenkan dan dikawal. Tuan Yang di-Pertua, kemajuan teknologi satelit hari ini telah mewujudkan perkhidmatan-perkhidmatan baru dalam bidang penyiaran. Akta yang sedia ada hanya melesenkan kegiatan penyiaran di Malaysia sedangkan teknologi satelit hari ini telah meningkatkan keupayaan untuk memancar dari Malaysia ke mana-mana negara luar. Sebagai contoh, stesen penyiaran di Malaysia boleh memancarkan melalui satelit Measat, program-program dari Malaysia kepada penonton-penonton di beberapa buah negara Asia.

Teknologi satelit juga membolehkan pemancaran bahan-bahan dari Malaysia ke mana-mana satelit dan satelit itu akan memancarkan kepada stesen penerima di negara lain yang mahu menerima siaran tersebut. Sebagai contoh, stesen penyiaran di Malaysia boleh mengadakan kerjasama dengan operator satelit di negara lain untuk membekalkan rancangan-rancangan televisyen Malaysia.

Keupayaan teknologi satelit hari ini juga membolehkan penerimaan bahan penyiaran dari luar Malaysia melalui satelit. Sebagai contoh, operator di Malaysia boleh menerima siaran pendidikan melalui satelit untuk tujuan meningkatkan kemahiran penyiaran. Akta yang sedia ada hanya melesenkan kegiatan penyiaran di Malaysia sedangkan teknologi satelit hari ini telah meningkatkan keupayaan untuk memancarkan dari Malaysia ke mana-mana negara luar.

Pencantuman teknologi penyiaran dengan teknologi telekomunikasi komputer dan penerbitan membuka peluang kepada pelbagai inovasi kepada perkhidmatan penyiaran

yang sedia ada hari ini seperti keupayaan interaktiviti contohnya, Teleshopping, Telebanking. Maklumat atas permintaan seperti video atas permintaan (video on demand) dan TV litar (close circuit TV).

Tuan Yang di-Pertua, kedua, akta ini perlu dipinda supaya tafsiran yang usang, obsolete dalam akta sedia ada dipinda sesuai dengan perkembangan semasa. Banyak perubahan dan skop perkhidmatan penyiaran berlaku pada masa 8 tahun iaitu sejak tahun 1988. Pada hari ini aktiviti penyiaran tidak terhad kepada teknologi gelombang radio, kawat dan kabel sahaja tetapi melalui satelit dan pencantuman teknologi sebagai contoh:-

- (a) alat penerima siaran radio diperluaskan bagi meliputi bidang penyiaran radio melalui satelit;
- (b) alat terima siaran TV diperluaskan supaya meliputi bidang penyiaran TV melalui satelit dan semua jenis peralatan dan radas yang membolehkan penerimaan siaran melalui satelit;
- (c) stesen penyiaran dipinda supaya takrif sebuah stesen penyiaran meliputi pancaran bahan siaran melalui gelombang bunyi, kabel dan satelit;
- (d) tafsiran baru orang awam diwujudkan bagi meliputi berbagai tempat perhimpunan orang ramai termasuk hotel, kompleks membeli-belah, kenderaan dan tempat-tempat hiburan;
- (e) tafsiran baru pesawat udara dan vesel diwujudkan memandangkan perkembangan perkhidmatan penyiaran ini ke pesawat udara dan pengangkutan air yang selama ini tidak dikawal oleh akta tersebut; dan
- (f) tafsiran baru bahan penyiaran asing diwujudkan bagi menjamin kawalan kerajaan ke atas penerimaan bahan penyiaran dari luar Malaysia yang berpunca dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, elemen ketiga akta ini perlu dipinda ialah supaya sempadan pengurusan hal ehwal penyiaran dikemaskinikan. Tuan Yang di-Pertua, di bawah peraturan yang sedia ada pihak-pihak yang mahu menerima siaran satelit perlu memohon kepada Kementerian Penerangan untuk mendapatkan sokongan dari segi polisi sebelum

memohon kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk mendapatkan lesen memasang alat penerima siaran.

Keadaan ini bukan sahaja merumitkan penyelarasan dan penguatkuasaan tetapi juga membebankan orang ramai yang semakin ramai berkehendakkan perkhidmatan satelit. Oleh itu di dalam pindaan ini dicadangkan supaya proses pentadbiran pelesenan alat terima siaran TV dan radio ini disatukan di bawah Kementerian Penerangan. Ini akan memperkemaskan pentadbiran, melicinkan penguatkuasaan dan memudahkan orang ramai.

Keempat, akta ini perlu dipinda supaya bidang kuasa menteri diperluaskan dari aspek-aspek iaitu:-

- (i) penentuan terma dan syarat lesen, termasuk penalti. Penalti penting supaya penguatkuasaan dapat dijalankan secara efektif;
- (ii) penentuan tempoh sahlakunya sesuatu lesen penyiaran. Peruntukan ini memberi ruang fleksibiliti sebagai satu sumber sokongan kepada industri penyiaran hari ini yang melibatkan satu pelaburan yang besar yang mungkin memerlukan tempoh yang lebih lama dari setahun untuk mendapatkan pembiayaan kewangan;
- (iii) menentukan saiz dan bentuk parabola yang diizinkan untuk penggunaan pelanggan dan pengecualian-pengecualian yang difikirkan perlu;
- (iv) pengawalan beberapa bentuk pengedaran bahan-bahan penyiaran seperti pembekalan bahan siaran ke hotel-hotel dan pembekalan bahan siaran atas permintaan serta denda yang boleh dikenakan terhadap mereka yang menguruskan pengedaran ini tanpa lesen;

- (v) pengecualian mana-mana pihak daripada pelesenan bagi perlindungan kegiatan penyiaran untuk tujuan rasmi atau perkhidmatan awam yang tidak bermotif keuntungan; dan
- (vi) meluluskan iklan sebelum ia dipancarkan oleh stesen penyiaran.

Tuan Yang di-Pertua, faktor kelima, akta ini perlu dipinda supaya menjelaskan prosedur penguatkuasaan supaya membolehkan pegawai-pegawai penguatkuasa melaksanakan tanggungjawab dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan pesat dalam bidang penyiaran hari ini terus berlaku dan akan terus berlaku. Perubahan ini perlu ditangani sekarang dengan bijak dengan undang-undang yang perlu dipinda sekarang. Kita tidak boleh membiarkan perubahan berlaku tanpa hala yang tertentu, tetapi harus ke arah manfaat rakyat dan negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Hanipah bin Ahmad** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penyiaran 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal.

**5.53 ptg.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun pada petang ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996.

Saya teliti akta ini amat berguna dan amat patut diberi sokongan. Walau bagaimanapun, kita perlu prihatin atau berhati-hati dalam meluluskan akta ini, terutama pada masa sekarang iaitu Teknologi Maklumat merupakan satu peranan yang penting. Apa yang kita bimbangkan, sekiranya akta ini tidak betul dijalankan dan tidak dikawal, ia akan disalahgunakan nanti dan disalahertikan oleh masyarakat terutama di negara kita ini.

Saya ingin mengambil perhatian Dewan ini mengenai parabola. Parabola ini merupakan satu alat yang boleh menerima siaran terutama sekarang semua kita tahu bahawa satu syarikat Astro yang diberi lesen untuk memasang alat-alat parabola untuk pelanggan. Saya masih ingat lagi di dalam Dewan yang mulia ini saya mengingatkan bahawa parabola ini tidak harus dimonopoli oleh satu syarikat sahaja. Tetapi amat malang, apabila saya mengutarakan di dalam Dewan yang mulia ini, dinafikan.

Macam itu juga saya berucap di dalam belanjawan tambahan sebanyak RM1.5 billion itu. Tadi saja saya tak mahu bangun untuk meminta penjelasan mengenai dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang saya katakan takungan najis itu berhadapan dengan kiblat sebuah masjid. Masjid itu didirikan terlebih dahulu daripada perumahan itu. Perumahan itu baru sahaja datang dalam lima tahun ini, masjid itu sudah dua puluh tahun lebih berada di situ. Dan saya buat ucapan di dalam Dewan yang mulia ini saya buat homework dahulu. Saya pergi ke tempat itu dan perhatikan, saya tidak buat tuduhan melulu kerana ini Dewan yang mulia, bukan Dewan untuk kita persenda-sendakan.

Begitu juga parabola ini dahulu, saya boleh cari teks ucapan saya dalam perbahasan, dinafikan. Sekarang menjadi kenyataan yang benar-benar bahawa Astro dimonopoli oleh Phillips. Apa salahnya kita beri kebenaran kepada syarikat-syarikat yang lain, yang berkemampuan supaya harganya murah, sekarang RM1,300 mungkin dengan lima, enam syarikat masuk, mungkin harganya RM600, besok kita lihat juga peserta PPRT juga dapat parabola, di bawah bumbung zink yang rendah itu, tengok parabola

sahaja, amat bangga negara kita, orang PPRT pun boleh menonton TV dari luar negara.

Ya, ini betul, serius!

Saya tak tahulah, ini mungkin dinafikan juga. Kerana saya cakap perkara ini, saya kenal pasti satu syarikat yang joint venture dengan syarikat Indonesia telah pun mendapat green light daripada Kementerian Penerangan untuk memasang parabola. Tetapi, apa terjadi selepas itu, kelulusan itu ditarik kembali, kerana Syarikat Binariang mahukan parabola ini dimonopoli sebanyak unit yang dikehendaki. Ini jelas, apa salahnya Binariang memberi kepada syarikat yang lain? Tidak sahaja kepada Astro yang dimiliki, yang dimonopoli oleh Phillips. Kerana syarikat Indonesia itu yang bergabung dengan syarikat Malaysia secara joint venture, mereka sudah sanggup membuat antena itu di dalam negara kita di bawah sistem Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Ini peluang untuk anak-anak kita, untuk negara kita lebih maju.

Saya tak tahu sama ada sekarang betul atau tidak, antena itu juga di import yang digunakan oleh Phillips, apa salah IKS dapat memberi peluang kepada tenaga kerja kita? Saya cakap betul, bukan saya cakap bohong, tak percaya boleh semak balik. Saya minta maaf, perkara ini tidak harus berlaku lagi, kerana perkara ini amat serius, tidak boleh dimonopoli. Kita buat macam Telekom, dahulu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos beri lesen kepada Celcom .....

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Ya.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan, Phillips ini milik siapa? Terima kasih.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Phillips ini kalau hendak dilihat daripada majoriti shareholders atau pemegang sahamnya

yang terbesar dimiliki oleh Yahudi. Jadi, kita tak usahlah sentuh lebih banyak sangat, nanti besok Yahudi pun marah kepada kita pula.

Jadi, perkara ini jelaslah kita seharusnya prihatin kerana yang saya cakapkan tadi, syarikat berkenaan mampu membuat parabola itu, antena itu di Malaysia secara IKS dan mungkin booster dan sebagainya di import daripada Indonesia, akan tetapi, setengah daripada alat-alat itu dibuat secara tempatan. Ini amat penting. Itu yang kita mahu mengambil perhatian Dewan ini ....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya kecewa dengan sikap Yang Berhormat itu mengatakan tak payahlah kita hurai lebih mengenai kepunyaan Phillips tadi. Kita di Dewan ini, kita mesti cakap terus-terang, kita mesti jangan takut, kita mesti berani, 'we talk with that fear or favour.' Terima kasih.  
*[Ketawa]*

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki atas teguran itu, tetapi walau bagaimanapun, waktu sudah pukul 6.00 petang, saya rasa setengah jam lagi kita akan menanggungkan perbincangan pada hari ini dan mungkin banyak lagi rakan kita yang hendak berucap. Walau bagaimanapun, terima kasih.

Astro ini memanglah kita lihat canggih. Pasang sahaja, tekan sahaja button itu, hendak pergi ke mana pun boleh, Amerika pun boleh, CNN boleh, Hong Kong boleh ....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya ingin mendapat makluman, sama ada Ahli Yang Berhormat sudah pasang atau tidak? *[Ketawa]*

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi:** Saya belum pasang. Saya marahkan Philips, kerana Philips monopoli - saya tidak pasang lagi, tetapi saya sudah tonton di rumah kawan. *[ketawa]*

Jadi, saya mintalah kepada Kementerian Penerangan supaya lesen parabola ini dibuka dengan begitu luas. Berilah peluang kepada syarikat-syarikat yang berminat, nescaya kalau kementerian memberi pengumuman hari ini - bebas untuk sesiapa memohon mungkin salah seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini pun berminat untuk membuat joint venture dengan syarikat-syarikat di luar negara untuk memasang antenna - suapaya antenna itu dibuat secara IKS. Kalau tidak ada juga Ahli Dewan yang berminat, saya memang berminat kerana saya kenal siapa dia yang telah membuat antenna ini dan saya tahu siapa yang di Australia itu. Pernah saya membincangkan tentang perkara itu dan rungutan-rungutan itu direct kepada saya. Itu dia.

Satu perkara lagi yang perlu saya lihat kepada Jabatan Penyiaran ini, kadangkala pada hari Khamis malam Jumaat, tengah syok-syok melihat Forum Perdana itu, mendengar alim ulama kita memberi ucapan dan sebagainya, anak kita alih - buka TV3. Bila buka TV3 itu sudah lain caranya - yang X, X, semua ada. Itu siri Poland Angel - maklumkan malam Jumaat - semangat pun naik. Tetapi bila lihat-lihat hari baru pukul 10.00 lebih sedikit - anak belum tidur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, semangat apa itu?

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw:** Saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun faham semangat malam Jumaat. Tambah bila kita tonton, patennya itu, Allah - Tuhan sahaja yang tahu. Kadang-kadang tidak bertutup langsung - Poland Angel. Bayangkanlah anak-anak kita di hadapan, itu tentang Poland Angel, tentang iklan itu? Smart Shop - gaya sedap. Jelas bentuk acu - minta maaf kepada Tuan Yang di-Pertua.

Teguran-teguran ini telah dibuat dalam Persidangan UMNO yang telah sudah oleh wakil-wakil Bahagian, tetapi sehingga hari ini pihak kementerian masih lagi belum membuat pembetulan. Smart Shop itu masih lagi....kalau hendak buat iklan tidak salah, buat, tetapi hak yang bawah itu tutuplah sedikit, labuhkanlah baju itu. Apa salahnya? Ini



nampak itu - saya gayakan sedikit. [*Sambil menggayakan gaya di Program Smart Shop*]. Kadang-kadang, bila lama saya menonton itu, saya pun sama-sama minat lama hendak tengok - itu yang menjadi masalah. Datin Wan Intan setujuakah tentang itu? Tahu pun. Ini harus diperbetulkan - tutup.

Kadang-kadang saya tinggal dengan isteri saya berdua, saya pun rajin lama menontonnya, anak-anak tidak ada di hadapan. Jadi, perkara-perkara ini patutlah kita betulkan. Kita jangan ambil sambil lewa kerana negara kita ini ramai penghuninya, terutama penghuni-penghuni yang masih muda. Saya rasa, siri pendidikan macam siri Along itu, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun pernah tonton siri Along - itu memang baik. Contohnya, macam mana cara dia berfikir - ada unsur-unsur pendidikan di dalamnya, patut dipuji. Jadi, cerita-cerita seperti siri Along, cukup baik. Kita teruskan atau tambah lagi, yang boleh memberi manfaat terutama kepada anak-anak kita, walaupun kadang-kadang itu tengok cerita kartun sahaja, tetapi dia memang baik, memberi pendidikan kepada kita.

Saya tidak ingin memberi hujah yang panjang, itulah perbincangan saya pada petang ini, kerana ramai sahabat saya akan mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tuan Haji Sairin.

**6.05 ptg.**

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk membahaskan Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996.

Di Ibu Kota, cerita fasal korporat, millionous over night, dengan izin, dynamic economy, Internet, Supercorridor Multimedia, teknologi canggih, Satelit, LRT, globalisasi dan sebagainya. Nun di pedalaman, di negara kita, suara unggas, kicauan burung-burung, bermasalah dengan soal jalan raya, jalan tanah merah, bekalan air, pengubahsuaian dan pembaikan balai raya, surau, rumah-rumah ibadah, bekalan elektrik dan sebagainya. Masalah menyampaikan visi dan misi kerajaan, khususnya kerajaan yang

memerintah iaitu Kerajaan Barisan Nasional dengan rangkaian-rangkaian yang pelbagai dan penjelasan daripada Timbalan Menteri Penerangan, dapat kita lihat bahawa ianya memang cukup baik dan cukup canggih.

Malangnya, bila kita bercerita fasal memberi penerangan, memberi penjelasan, apa yang pertama kali dilihat oleh masyarakat pedalaman, terutama, barangkali kalau saya boleh sebut di negeri Sabah, ada kawasan yang langsung tidak mendapat siaran radio, apa lagi televisyen. Kalau pun ada siaran televisyen, yang nampak gambarnya - semut, semut, semut, semut. Saya tidak tahu apa namanya, sebab tidak nampak langsung - kabur. Malang sekali di satu daerah yang bernama Pekalongan Pasiangan, berhampiran dan berjiran dengan Indonesia, kemudian sebuah pekan kecil di Indonesia namanya Masaloh, mereka menjual parabola. Orang kampung di daerah itu membeli parabola RM1,200 hingga RM1,800. Alhamdulillah, dapatlah mereka melihat apa yang kita saksikan di sini dan barangkali termasuklah apa Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal sebutkan tadi, iaitu perkara-perkara menarik apabila iklan-iklan yang sepatutnya tidak berlaku.

Dalam tempoh yang singkat, lebih kurang sebulan atau dua bulan daripada itu, datang Pegawai Penguatkuasa yang kita tidak tahu, sama ada dari Kementerian Penerangan atau dari Imigresen, datang memeriksa ada lesen atau tidak? Nun di pedalaman jauhnya daripada Keningau, dari Kota Kinabalu hampir 400 kilometer, Yang Berhormat Dato' Ali Rustam sudah sampai ke tempat itu - tahniah Datuk.

Apa yang berlaku bukan diberi amaran, bukan ditanya fasal lesen sebab orang di sana tidak tahu lesen itu apa, sebut lesen pun dia tidak tahu terutama suku kaum Murut - ini bukan Dusun, Kadazan - Murut di sana. Di Sarawak pun ada juga, rakan saya di sebelah dia kata ada. Apa yang menyedihkan mereka telah merampas parabola-parabola ini, maka datanglah kabut-kabut, anak-anak semut di dalam TV itu balik, sebab tidak dapat apa-apa siaran. Bila kita tanya kenapa perkara ini dibuat? Dia kata arahan daripada pihak atasan, atasan yang mana satu? Sepatutnya pihak Jabatan Penyiaran menyampaikan perkara ini kepada tuan pegawai daerah Nabawan, tetapi tidak ada tindakan langsung, malah lesaplah benda yang bernama parabola itu, yang berharga RM1,200 sehingga RM1,300.

Sepatutnya untuk kawasan-kawasan pedalaman seperti di negeri Pahang, di negeri Kelantan, di negeri Perak dan di seluruh pedalaman di Malaysia ini, di mana kawasan-kawasan yang tidak mendapat siaran TV, kerajaan hendaklah menyediakan kalau boleh saya sebut iaitu pusat penyiaran desa, di mana barangkali kita kena legalize ataupun apa cara untuk memasang parabola di sesuatu kampung itu pasanglah satu alat di situ agar masyarakat tempatan dapat mengikuti siaran daripada RTM seperti yang kita nikmati di sini. Kalau tidak, saya tidak tahulah kalau satelit ini sudah dilancarkan, kawasan tempat saya itu akan dapat lagi siaran. Saya difahamkan di sini pun kadang-kadang kita kena ubah satelit kita, ubah sana, ubah sini untuk mendapatkan siaran yang terang dan jelas.

Jadi, ini juga saya rasa kementerian harus mengambil tindakan dengan melihat di mana kekurangan-kekurangannya dan mengambil perhatian yang serius terutama masyarakat di pedalaman kerana di kawasan saya secara kebetulan, saya menjadi Ketua Bahagian UMNO Keningau. Kawasan Keningau itu sebesar kawasan Parlimen, satu negeri Melaka campur  $\frac{1}{4}$  Negeri Sembilan, begitulah keadaan besarnya. Ini Yang Berhormat Timbalan Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam tahu dan antara kawasan yang terbesar di Parlimen seluruh Malaysia. Begitu juga dengan kawasan Kinabatangan yang terbesar dan juga Beluran. Jadi saya sebut inilah tiga kawasan yang terbesar di seluruh Malaysia.

Oleh itu, saya yakin apabila kerajaan mempunyai media-massa, mempunyai alat-alat yang canggih seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri dapat disampaikan kepada masyarakat desa terutama penyokong-penyokong ataupun masyarakat yang sentiasa ingin melihat Kerajaan Barisan Nasional khususnya di Sabah. Mereka bukan tidak ingin menyokong kerajaan, tetapi kerana istilah tidak kenal maka tidak cinta. Jadi, inilah masalah yang harus kita tangani bersama. Secara kebetulan kita merdeka melalui Malaysia pada tahun 1963. Kita sudah ketinggalan dengan saudara-saudara dari

Semenanjung sini, sebab di sini merdeka pada tahun 1957, tetapi hairannya sehingga tahun ini, sehingga hari ini, perkara ini belum diselesaikan. Jadi, orang-orang pedalaman perlu diberi pemahaman mengenai dengan sistem, mengenai dengan apa-apa yang dilaksanakan oleh kerajaan yang memerintah termasuklah di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang perlu saya sentuh di sini ialah mengenai dengan yang orang selalu sebut RTM, atau Teman Setia Anda. Kita tidak ada teman yang setia di sana, yang ada di situ - itulah di antara sesama kita. Malahan ada pihak-pihak yang tertentu yang menyebarkan dakyah-dakyah palsu, menghentam kerajaan, menabur fitnah, mengatakan kononnya Kerajaan Barisan Nasional terutamanya yang di Sabah ini tidak berfungsi. Macam mana berfungsi di bahagian pedalaman sekiranya kita di sini sibuk dengan urusan negara, urusan kerajaan yang pembangkang dengan tugas mereka masing-masing untuk menabur fitnah yang bukan-bukan - bukan di semua tempat, tetapi di beberapa tempat.

Saya yakin seandainya pihak RTM menyedari ini dan mengatasi masalah ini, masalah Sabah akan menjadi pembangkang tidak akan timbul lagi, sebab mereka akan mendapat penjelasan yang sebenarnya. Untuk itu saya ingin mencadangkan agar sebuah Radio Malaysia Keningau diwujudkan di pedalaman dan rangkaian bahasa Murut diperpanjangkan untuk kebaikan masyarakat kaum Murut yang jumlahnya tidak kurang daripada 60,000 jiwa.

Di samping itu saya ingin bertanya kepada Kementerian Penerangan sama ada pusat auditorium Kota Kinabalu sedang dibuat, telah dibuat, dalam perancangan ataupun apa cerita lanjut, sebab nampaknya tidak ada cadangan mengenai auditorium ini. Saya fikir ini amat penting, sesuai dengan keadaan negeri Sabah di mana pada masa ini perkara-perkara masih lagi macam dahulu.

Dari segi kenderaan pun kadang-kadang Jabatan Penerangan ini kasihan masih menggunakan kenderaan yang lama. Jalan pun susah, misalnya ada satu tempat namanya Nang Kawangan. Nang Kawangan kalau kita ada four wheel drive, jangan sebut ada four wheel drive, kalau kereta penerangan ini minta maaf daripada Kementerian Penerangan tidak boleh naik, mungkin disebabkan terlalu licin, kecuali diganti dengan kenderaan yang kita panggil Ninja Turtle, Datuk Johan dia tahu ini, Ninja Turtle, kenderaan pacuan empat roda yang mempunyai power tertentu untuk dinaiki, untuk memberi penjelasan, memberi tayangan gambar, di pedalaman ini masih laku lagi. Jadi tolong jangan diberhentikan sebab nampaknya telah terhenti sebentar.

Saya tidak tahu apa sebabnya, TV dan sebagainya di sana tidak ada. Jadi kalau ada kenderaan penerangan yang khidmatnya untuk menayangkan tayangan gambar kepada masyarakat desa di kawasan pedalaman ini, saya rasa ini juga memberi peluang kepada mereka untuk berinteraksi dengan kakitangan kerajaan khususnya pemerintah, di samping memperjelaskan dasar-dasar kerajaan.

Saya juga ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh agar pegawai-pegawai penerangan luar yang memang sedia ada very popular dengan izin, di satu ketika di negeri Sabah, tetapi nampaknya pegawai-pegawai berkenaan yang tugasnya untuk memperjelaskan dasar-dasar kerajaan dan sebagainya telah dikurangkan. Kalau boleh saya mohon supaya kakitangan yang dipanggil pegawai penerangan luar ini ditambah balik seperti sebelumnya, seperti yang telah dibuat oleh Kementerian Penerangan sebelum ini.

Di samping itu juga saya mempunyai keyakinan bahawa andainya krisis pemahaman politik order baru, dunia baru ini dapat disampaikan kepada masyarakat terutama di desa-desa di pedalaman, di seluruh negara kita, kita yakin, kita boleh maju, insya-Allah. Bukan itu sahaja, apa lagi di tempat kami terutama di daerah pedalaman di

negeri Sabah ini, sebetulnya kita terus terang seperti kata Dato' Haji Mohd. Zuki tidak perlu kita malu untuk memberi penjelasan. Kita kekurangan alat untuk memberi penjelasan mengenai keadaan pemerintah pada masa ini. Maksud saya kalaulah pihak Kementerian Penerangan boleh membuat satu jawatankuasa khas untuk membantu rakyat termiskin PPRT yang dilaksanakan di situ. Di samping itu biarlah kalau boleh diadakan projek-projek di situ seperti Pemimpin Bersama Rakyat atau sebagainya untuk memberi penjelasan mengenai keadaan sebenar, apa yang berlaku, kenapa kita mesti meneruskan kerajaan yang ada. Sebab selama ini ia seolah-olah tergendala sebentar, mungkin disebabkan oleh adanya pertandingan sebelum ini bagi pihak parti UMNO dan mungkin secara kebetulan melibatkan barangkali pihak-pihak tertentu, maka ia diberhentikan ataupun dibekukan. Jadi, saya mohon supaya ianya disambung semula.

Apa lagi pada masa akan datang dalam bulan puasa, dalam bulan Ramadan akan datang memang ada acara-acara yang dibuat, tahniah! Saya rasa ini memang cukup baik dan cukup elok.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Di samping itu, barangkali kalau dapat saya juga ingin mengambil perhatian dan kalau tidak silap pada bulan Ramadan yang lalu, terdapat kisah nabi-nabi, kisah mengenai dengan pejuang-pejuang, kita pun terus-terang secara kebetulan agama rasmi kita adalah agama Islam dan bagi orang-orang yang beragama Islam, itu amat perlu. Sebagai menambah ilmu kepada kita semua khususnya orang-orang Islam.

Selain daripada itu, saya tidak mahu komen lagi. Barangkali saya sependapat dengan Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, kalau boleh iklan kita ini, saya tidak tahu kalau iklan ini terlalu panjang. Dulu semasa 'berita', kita tengah syok menonton berita tiba-tiba datang iklan, tap. Konsentrasi hilang sebentar. Barangkali kalau boleh, waktu berita itu tidak payahlah ada iklan. Mengganggu ketenteraman kita semasa kita menonton. Begitu juga saya lihat, kalau boleh pada hari Jumaat mungkin, tayangan biarlah tayangan yang barangkali hampir semua memberi ilmu pengetahuan. Tidaklah seperti yang dinyatakan Yang Berhormat Tuan Mustaffa. Oleh kerana di sini barangkali, Hal Ehwal Islam umpamanya di rangkaian TV1. Bila kita ke rangkaian TV2, barangkali ada ekspedisi, cerita pasal negara-negara yang dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau pemimpin-pemimpin kita. Jadi, kita tidak ada pilihan untuk mencari, terserahlah mana satu yang kita hendak tonton. Tetapi kalau boleh janganlah ada *X Files* waktu itu, ada tayangan-tayangan yang tidak begitu menguntungkan.

Jadi, saya rasa sudah tinggal 5 minit lagi. Sekali lagi saya ingin merayu kepada pihak RTM, Kementerian Penerangan tolonglah! Kalau pun barangkali kita tidak dapat wujudkan Radio Malaysia Keningau, kalau pun ini tidak boleh dibuat, barangkali bolehlah buat Radio Mobile Service atau saya tidak tahu nama dia. Barangkali kalau itu tidak dapat dibuat, sebab saya rasa ini amat penting bukan sahaja di Keningau malah di seluruh negara di mana-mana tempat yang belum mendapat servis atau siaran seumpamanya. Dengan ini, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

**6.22 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996.

Pertama sekali, saya ingin nyatakan bahawa saya sokong rang undang-undang ini dari segala aspeknya, khususnya aspek teknikal kerana ia nampaknya telah pun difikirkan dengan begitu teliti dan dikemaskinikan untuk menentukan bahawa rang undang-undang kita yang 'govern', penyiaran dalam negara kita ini dari segi pemancaran ke luar negeri dan negara kita yang menerima telah pun diteliti dengan baik. Maka dari segi aspek itu saya menyokong dengan penuh.

Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bersama-sama dengan rakan yang telah berucap sebentar tadi. Saya ingin memberi pandangan sedikit mengenai rang undang-undang ini. Ini untuk perhatian negara kita bersama untuk kebaikan masa depan kita. Yang pertama sekali, saya tidak ada kekhuatiran mengenai apa yang kita siarkan iaitu yang tersebar ke negara-negara lain semuanya ini saya ingat akan difikirkan dengan begitu baik. Tetapi, apa yang saya khuatir ialah apa yang kita akan terima. Di sini saya ingin menyarankan sama ada kerajaan, pihak atasan boleh memikirkan bagaimana caranya kita boleh adakan sedikit kawalan dari segi kualiti-kualiti atau bentuk yang boleh kita terima.

Saudara saya, Yang Berhormat Tuan Mustaffa telah bercerita mengenai iklan tadi. Ini adalah iklan dalam negara kita sendiri. Bagaimana pula yang boleh, yang bakal kita terima dari negara-negara lain. Mengikut cerita-cerita penyiaran yang berbentuk XXX itu, yang mungkin ramai di antara kita di dalam Dewan yang mulia ini tidak minat untuk melihat, menonton perkara itu, kalaulah ditonton, oleh orang lain tahu kita menontonnya, tetapi mungkin kita sendiri yang menonton, ada juga yang hendak menonton.

Jadi dari aspek itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin cadangkan adakah cara-caranya kerajaan kita untuk menentukan bahawa nilai-nilai kerohanian, nilai-nilai kemanusiaan yang lebih tinggi boleh diserapkan kepada orang-orang di negara kita khususnya muda-mudi yang masih lagi di sekolah supaya mereka sendiri mempunyai pilihan, mempunyai ketegasan diri. Supaya apabila didedahkan dengan perkara-perkara yang disiarkan, mungkin menarik minat mereka, nafsu mereka maka mereka bolehlah mengawal perkara itu dan memilih perkara yang lebih membimbing ataupun membangun bagi diri mereka dan seterusnya bagi rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin cadangkan dari segi isi kandungan penyiaran. Oleh kerana negara kita ini, kita mempunyai banyak kaum etnik. Walaupun kaum-kaum etnik yang lain itu seperti dalam negeri saya Sabah, maaf.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sarawak.

**Tuan Ding Seling:** Saya tidak pergi Sabah, Sarawak maaf. *[Ketawa]* Saya ter‘influence’. Negeri saya Sabah, eh Sarawak *[Ketawa]* .....

**Seorang Ahli:** Hendak pindah ke Sabah ke? *[Ketawa]*

**Tuan Ding Seling:** ..Negeri Sarawak, ramai kaum etnik yang kecil dan mereka pun berbangga mengenai ciri-ciri kebudayaan mereka. Jadi, saya ingin cadangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita boleh dalam negara ini, membentuk satu lembaga ataupun satu committee yang meneliti bagaimana kita boleh memilih, meresapi ciri-ciri kebudayaan seperti muzik, tarian dan sebagainya, yang kita rangkumi atau kita satukan sebagai satu ciri-ciri budaya Malaysia.

Supaya mereka yang dari luar bandar yang disebut, yang dicerita dengan begitu jelas oleh saudara saya Yang Berhormat Haji Sarian tadi, seperti orang Murut, dan orang saya orang Kenyah, supaya mereka merasa adalah ‘part and parcel’, dengan izin, orang Malaysia. Apabila mereka boleh lihat dalam kaca televisyen, maka ciri-ciri kebudayaan mereka memang ada di situ, ditayangkan dengan jelas dan sekaligus walaupun sekali-sekala mungkin maka mereka pun akan merasa, inilah Malaysia sebuah negara kaya. Maka, saya pun akan berbangga sebagai seorang ahli negara ini.

Jadi dari aspek itu, saya ingin cadangkan adakah kita boleh, negara kita boleh membentuk satu committee ataupun satu lembaga di mana kita boleh memilih perkara-perkara itu. Kita tahu, dari Sarawak misalnya kita ada satu alat muzik yang unik dalam negara, bukan negara kita sahaja, dalam dunia saya ingat. Saya rasa bangga hendak sebut iaitu sape. Walaupun bentuk muzik itu ada simple sahaja, stringnya adalah wayar sahaja, tetapi bunyinya begitu unik, saya ingat perkara itu boleh kita jadikan sebagai satu signiture kepada satu ‘advertisement’ atau iklan kita sekali-sekala. Supaya negara lain pun tahu, aah..inilah Malaysia. Selain daripada muzik-muzik yang lain kerana kita selalu gunakan muzik dari luar negara yang menjadi ‘signing signiture’ dalam iklan. Jadi, dari aspek itu kalau kita gunakan misalnya sape, untuk muzik sape ini adalah satu perkara yang unik dan mungkin kerajaan akan juga akan gazetkannya sebagai satu muzik ataupun bentuk muzik Malaysia yang kepunyaan Malaysia sendiri.

Jadi, dari aspek isi kandungan tadi, saya ingin sarankan supaya ini boleh diambil pandangan serius supaya negara kita yang mempunyai ramai penduduk yang jauh di luar bandar itu merasai bahawa mereka adalah orang Malaysia.

Yang kedua, yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, maaf .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi ke?

**Tuan Ding Seling:** Sedikit lagi, mungkin dalam 5 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung esok boleh?



**Tuan Ding Seling:** Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sambung esoklah ya.

**Tuan Ding Seling:** Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis kita bersurai untuk disambung esok hari jam 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***